


Jilid III
Bil. 24

Hari Selasa
26hb Julai, 1977



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2633]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam [Ruangan 2681]

Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) [Ruangan 2720]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

**N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali**

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selesa, 26hb Julai, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

EJAAAN BARU BAHASA MALAYSIA

1. **Tuan Lukman bin Abdul Kadir** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang perbezaan ejaan-ejaan baru dalam Bahasa Malaysia terutama berkaitan dengan perkataan-perkataan teknikal, jika ya apakah langkah yang akan diambil untuk menyamakan ejaan ini untuk mengelakkan salahfaham terutama di kalangan penuntut-penuntut.

Menteri Pelajaran (Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masih lagi terdapat tiada persamaan ejaan baru Bahasa Malaysia terutama pada perkataan-perkataan teknik. Saya difahamkan bahawa pihak-pihak yang berkenaan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia sedang mengambil tindakan-tindakan yang tertentu dan mengatur rancangan-rancangan khas berhubung dengan pengawasan penggunaan bahasa, istilah dan ejaan baru. Pihak Jabatan Perdana Menteri telahpun mengeluarkan arahan kepada semua Kementerian, Jabatan Kerajaan dan Urusetia Negeri meminta kerjasama supaya menggunakan Pedoman Umum Ejaan dan Pedoman Umum Pembentukan Istilah yang telah diumumkan pemakaiannya oleh Kerajaan. Pihak Dewan Bahasa dan Pus-

taka dan Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia akan merancang untuk mengedarkan daftar-daftar ejaan istilah teknik yang betul kepada sekolah-sekolah melalui Kementerian Pelajaran. Untuk mengelakkan salahfaham di kalangan rakyat, daftar ejaan Bahasa Malaysia yang lengkap sedang dirancang dan akan diterbitkan.

SURAT ENCIK HUSSEIN BIN YASIN

2. **Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau telah menerima satu salinan sepucuk surat bertarikh 17hb. Januari, 1977 daripada Encik Hussein bin Yasin dialamatkan kepada Datuk Mansor, Ketua Polis Bandaraya berkenaan dengan penangkapannya pada 14hb. Januari, 1977 oleh pihak Polis Bahagian "A". Jika surat tersebut telah diterima, apakah tindakan Kementerian ini akan ambil untuk menyasat perkara ini kerana menurut Encik Hussein bin Yasin, Pegawai-pegawai Polis di Balai Polis Jalan Campbell yang memukul beliau ialah Inspektor Hussein, Inspektor Kadir dan Syed Meior agar mengelakkan nama baik Polis di Raja Malaysia jangan tercemar disebabkan oleh kekejaman 3 orang pegawainya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa sepucuk surat bertarikh 17hb. Januari, 1977 daripada Encik Hussein bin Yasin telah diterima pada 19hb. Januari, 1977. Surat tersebut telah dijadikan pengaduan Polis Jalan Campbell. Siasatan hingga hari ini menunjukkan bahawa tidak ada bukti yang dapat menyokong tuduhan tersebut, tetapi sebaliknya ada tanda-tanda yang

menunjukkan bahawa tuduhan itu telah dibuat atas hasutan orang lain yang menaruh perasaan dendam terhadap pegawai-pegawai polis tersebut. Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan Encik Hussein sendiri bahawa surat tersebut ditulis atas hasutan orang lain.

PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI UNITED KINGDOM

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pelajaran menyatakan:—

- (a) bagaimanakah seriusnya masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut Malaysia yang menuntut di United Kingdom akibat daripada kenaikan terlalu tinggi yuran pengajar (tuition fees); dan
- (b) apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang hendak ambil bagi membantu penuntut-penuntut Malaysia yang menghadapi masalah di atas.

Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kenaikan kadar yuran bagi penuntut-penuntut dari Seberang Laut di United Kingdom telah mengakibatkan kenaikan yuran pengajian yang tinggi bagi kursus-kursus peringkat pengajian tinggi (advanced courses, seperti kursus ijazah, ijazah lanjutan dan politeknik). Sementara itu yuran pengajian bagi kursus peringkat yang lebih rendah (non-advanced) seperti Maktab Teknik, GCE and OND hanya mengalami kenaikan kadar yuran yang sedikit sahaja.
- (b) setakat ini pihak Kerajaan sedang mengkaji langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah penuntut-penuntut dengan menaikkan kadar biasiswa bagi pemegang biasiswa dan bercadang mengadakan satu tabung pusingan untuk pelajar-pelajar persendirian. Namun begitu sebelum Kerajaan mengadakan tabung pusingan itu

terpaksa dikaji dengan teliti cara-cara pelaksanaannya dan implikasi-implikasinya.

SEKOLAH KEBANGSAAN TAMBUN TULANG, PERLIS — NASI BERACUN

4. **Tuan Haji Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Pelajaran menyatakan berkenaan dengan kejadian termakan nasi beracun di Perlis baru-baru ini:—

- (a) adakah pembekalan nasi tersebut dibuat secara tender;
- (b) adakah pihak Kementerian Kesihatan memeriksa makanan yang disediakan itu dari semasa ke semasa;
- (c) apakah tindakan yang akan diambil terhadap orang yang bertanggungjawab menyediakan makanan tersebut; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran supaya kejadian seumpama itu tidak berulang lagi.

Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Kebangsaan Tambun Tulang, yang mana terlibat dengan kejadian termakan racun itu, adalah sebuah sekolah di bawah Rancangan Amalan Makan dan Pemakanan. Daripada bilangan murid 300 orang yang terlibat dalam Rancangan Amalan Makan dan Pemakanan hanya 63 orang sahaja yang terlibat dalam kejadian ini.

Pembekalan nasi tersebut tidak dibuat secara tender. Pihak Kementerian Kesihatan tidak memeriksa makanan yang disediakan itu dari semasa ke semasa. Hanya pegawai dari Jabatan Pelajaran sahaja yang membuat lawatan dari semasa ke semasa.

Tindakan serta merta telah diambil oleh Jabatan Pelajaran Perlis dengan menggantungkan perkhidmatan pembekal makanan itu pada 11.5.77. Beberapa langkah telah diambil supaya kejadian itu tidak diulangi lagi. Di antara langkah-langkahnya ialah, Jabatan

Pelajaran Perlis telah mengeluarkan Surat Pekeliling kesemua Guru-guru, Guru Besar untuk mengingatkan mereka supaya memberi pengawasan dan kawalan yang teliti dan ketat ke atas rancangan ini. Selain dari itu, pegawai dari Jabatan Pelajaran Perlis diarahkan membuat lawatan dari masa ke semasa ke sekolah-sekolah yang terlibat dalam rancangan ini. Di samping itu semua pembekal makanan hendaklah terlebih dahulu datang ke Jabatan Kesihatan untuk pemeriksaan dan suntikan.

PINJAMAN-PINJAMAN ASING

5. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa bilangan pinjaman-pinjaman asing yang telah dibuat oleh Kerajaan hingga sekarang dan kadar-kadar faedah tahunan yang Malaysia dikenakan membayar; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan akan menjelaskan bayaran pinjaman-pinjaman tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan perjanjian pinjaman asing yang telah ditandatangani oleh Kerajaan sehingga 31hb. Mei, 1977 ialah sebanyak 159. Ini adalah termasuk pinjaman-pinjaman daripada institusi-institusi kewangan seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, pinjaman-pinjaman pasaran dan pinjaman-pinjaman antara Kerajaan dengan 14 buah negeri. Kadar-kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjamin tersebut adalah di antara 3% hingga 9% setahun.
- (b) Kerajaan akan menjelaskan bayaran-bayaran pinjaman-pinjaman daripada hasil negara. Pembayaran balik pokok pinjaman akan dibuat mengikut jadual bayaran balik yang telah ditetapkan dalam sesuatu perjanjian pinjaman. Biasanya tempoh pelepasan diberi ke-

pada sesuatu pinjaman ialah antara 5 hingga 10 tahun. Dalam tempoh yang sama projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh pinjaman-pinjaman luar negeri itu akan juga mendatangkan dan menambahkan hasil negara.

BAHASA MALAYSIA DI PERSIDANGAN PARLIMEN

6. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa semua Ahli-ahli Parlimen sudah boleh dan setengahnya sudah pandai pula bertutur dan berucap di dalam Bahasa Malaysia dan menyatakan samada beliau akan membenarkan Bahasa Malaysia sahaja digunakan di dalam Persidangan Parlimen untuk memperkukuhkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi Kerajaan dan memberi tauladan kepada mesyuarat, taklimat, seminar, symposium, dan sebagainya yang kebanyakannya masih mengamalkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa banyak daripada Ahli-ahli Parlimen sudah boleh bertutur kata dan berucap dalam Bahasa Malaysia. Ini amatlah membanggakan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, seseorang Ahli Parlimen boleh menggunakan Bahasa Inggeris jika diizinkan oleh Yang di-Pertua. Ini adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 5 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Walau bagaimanapun, seseorang Ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah, boleh menggunakan Bahasa Inggeris. Ini adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 5 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 juga.

Samada Bahasa Malaysia sahaja digunakan di dalam Persidangan Parlimen berkehendakkan pindaan kepada Akta Bahasa Kebangsaan itu. Memandangkan penggunaan Bahasa

Malaysia di dalam Persidangan Majlis kedua-dua Dewan Parlimen semakin meluas, setakat ini kerajaan tidak bercadang hendak meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 itu.

KAKITANGAN JABATAN PESAKIT LUAR

7. **Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Kesihatan menyatakan, samada beliau bercadang akan memberikan latihan kepada semua kakitangan Jabatan Pesakit Luar dan Pusat-pusat Kesihatan Luar Bandar, yang mana dengan jalan itu akan dapat memperbaiki Khidmat Kesihatan (Health Delivery) kepada rakyat Malaysia, dengan menukarkan amalan perubatan sekarang iaitu untuk Mengubati Penyakit (Disease Orientated Medicine) kepada konsep moden iaitu kesihatan tubuh badan keseluruhan (Whole person medicine) dan Penjagaan Kesihatan Sekeluarga (Family Health Care).

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat mungkin tidak sedar bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya dalam 10 tahun yang lepas, amalan "Health Delivery" telah berubah dan pada masa ini aspek-aspek "preventive and promotive medicine" juga sama dititikberatkan seperti aspek-aspek "curative" atau "disease treatment". Ini sedang diamalkan terutamanya di Pusat-pusat Kesihatan dan Jabatan Pesakitluar Luarbandar dan latihan yang diberi adalah dalam aspek-aspek ini. Sebab inilah perkhidmatan kesihatan Malaysia terkenal di peringkat antarabangsa. Berkenaan "family health care" atau penjagaan kesihatan keluarga, konsep Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengenai "family health care" bukan sahaja sedang diamalkan di Pusat-pusat Kesihatan dan Klinik-klinik Bidan malah menjadi asas perkhidmatan kesihatan kita yang bertujuan memperbaiki kesihatan keluarga sejak tahun 1970 lagi. Aktiviti-aktiviti terkemuka dalam rancangan penjagaan kesihatan keluarga berdasarkan kepada definisi Pertubuhan Kesihatan Sedunia termasuklah Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak,

Perancangan Keluarga, Kesihatan Sekolah, Kebersihan Alam Sekitar dan juga Rawatan Perubatan.

JABATAN KERJA RAYA DI SANDAKAN

8. **Tuan Buja bin Gumbilai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa Jabatan Kerjaraya di Sandakan tidak dapat menyenggara dan membaiki jalan-jalan di luar bandar yang tidak bertar kerana kekurangan peruntukan, dan samada lebih banyak peruntukan akan dibuat bagi tujuan ini.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat menyentuh dua aspek penting dalam segi menyelenggara dan memperbaiki jalan-jalan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi 'Feeder Roads' yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerjaraya Sabah, peruntukan diberi oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak \$6,200 setahun untuk satu batu dan peruntukan ini didapati cukup untuk menyelenggarakan jalan-jalan luar bandar yang mana lalu-lintasnya tidak begitu banyak. Memandangkan peruntukan di atas telahpun ditambah daripada \$4,500 yang diberi dahulu, saya tidak sedar peruntukan ini tidak mencukupi untuk Jabatan Kerjaraya Sabah menyelenggarakan jalan-jalan luar bandar di bawah bidangkuasanya.

Jalan-jalan luar bandar yang lain dibina dengan peruntukan dari Kerajaan Negeri dan jalan ini diselenggarakan oleh 'Rural District Council'. Kerajaan Negeri memberi peruntukan tiap-tiap tahun untuk menyelenggarakan jalan-jalan tersebut dan peruntukan yang diberi berdasarkan keutamaan rancangan pembangunan Kerajaan Negeri.

PERKHIDMATAN TALIPON

9. **Tuan Chin Hon Ngian** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan

samada beliau akan menimbangkan meniagakan (commercialising) perkhidmatan talipon yang sedang dibekalkan oleh Talikom dengan mengadakan satu Lembaga yang bebas supaya menjamin perkhidmatan itu memandangkan kepada kekurangan kesannya dan kelambatan lama dalam membekalkan talipon dan memandangkan kepada hakikat bahawa satu perkhidmatan talipon jika diuruskan dengan kesannya, akan memberikan pendapatan-pendapatan tambahan kepada Kerajaan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Jabatan Talikom sebuah Jabatan Kerajaan tetapi perjalanan Jabatan itu adalah berlainan dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Perjalanan Jabatan Talikom adalah lebih berbentuk sebuah badan perniagaan (commercial enterprise) dalamana ia mempunyai sistem 'commercial accounting' sendiri. Keuntungan yang diperolehi adalah dilaburkan semula bagi faedah-faedah rancangan pembangunan Jabatan itu. Oleh yang demikian, masalah samada Kerajaan bercadang untuk menimbangkan supaya perkhidmatan talipon diniagakan tidaklah timbul sama sekali pada masa ini memandangkan perkhidmatan Jabatan Talikom sekarang adalah memuaskan, tambahan pula dengan meletakkan Jabatan Talikom di bawah suatu lembaga atau perbadanan bukanlah boleh memberi jaminan sepenuhnya atau menjadi suatu jalan penyelesaian bahawa perkhidmatan Jabatan Talikom akan lebih memberi kesan. Walau bagaimanapun, perkembangan perkhidmatan dan pembangunan Talikom adalah dikaji dari satu masa ke satu masa.

MELAWAT SAMBIL BELAJAR

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan, memandangkan bahawa pada masa yang lepas hanya belia-belie di bawah umur 25 tahun sahaja diberi peluang melawat sambil belajar ke seberang laut, adakah Kera-

jaan sebagai mengenang khidmat dan sumbangan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin belia kita yang tua akan memberi mereka peluang untuk melawat negara-negara jiran, dan sehingga sekarang berapa banyakkah rombongan belia kita telah dihantar ke seberang laut oleh Kerajaan kita atau yang dianjurkan oleh Kerajaan-kerajaan asing.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr. Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah ada rancangan-rancangan ke negara-negara jiran yang dekat. Program ini akan dimulakan akhir tahun ini.

Sehingga sekarang rancangan-rancangan pertukaran belia anjuran kita dan badan-badan asing adalah seperti berikut:—

- (a) Rancangan Pertukaran Belia Malaysia/Canada telah bermula pada tahun 1973 telah dapat menghantar 5 rombongan melibatkan seramai 170 belia;
- (b) Lawatan Kapal Belia Asia Tenggara bermula pada tahun 1974 telah menghantar 4 rombongan melibatkan seramai 90 belia;
- (c) Pertukaran Belia Malaysia/Filipina bermula pada tahun 1976 telah menghantar seramai 20 belia.

KAJIAN SOSIO-EKONOMI PETANI (KADA) KELANTAN

11. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kerajaan pernah membuat sebarang kajian sosio-ekonomi petani-petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Kelantan. Jika ada, apakah hasilnya dan apakah tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, satu kajian sosio-ekonomi petani-petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu pernah dijalankan oleh pihak Kementerian dalam tahun 1968, iaitu sebelum

KADA ditubuhkan. Program-program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KADA dan juga Jabatan Pertanian Negeri adalah hasil dari kajian itu. Terlaksananya pembaikkan Rancangan Pengairan di dalam kawasan KADA adalah juga hasil dari kajian yang sama.

Dalam tahun 1976, satu kajian sosio-ekonomi yang bercorak "sample survey" telah juga dijalankan dan sekarang data-data yang diperolehi sedang dianalisa.

WATCH-DOG DI KEMENTERIAN DAN JABATAN

12. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang mengadakan pasukan pengawasan (watch-dog) di semua Kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Majlis-majlis Tempatan supaya jentera Kerajaan boleh berjalan dengan lebih lancar lagi.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengawasan ke atas perjalanan jentera-jentera Kerajaan supaya berjalan dengan licin dan lancar memang sudah lama dijalankan. Kerajaan telah menubuhkan Bahagian Penyelarasan Perlaksanaan di Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan bahawa segala rancangan pembangunan dijalankan dengan lancar dan mengikut jadual-jadual tertentu oleh semua ejensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Bahagian ini mengesan segala kelemahan-kelemahan yang boleh melambatkan kelancaran perlaksanaan rancangan-rancangan tersebut dan ini adalah satu cara pengawasan yang berkesan terhadap perjalanan jentera Kerajaan.

Di samping itu Ketua-ketua Jabatan sendiri, samada di peringkat Kementerian, Jabatan, Badan-badan Berkanun atau Penguasa-penguasa Tempatan adalah bertanggungjawab mengawas dan memastikan supaya tugas-tugas dan fungsi Jabatannya berjalan

dengan lancar dan licin. Malah, organisasi Kerajaan yang besar-besar ada mempunyai satu unit khas, iaitu Unit Penyelidikan dan Perancangan dimana salah satu fungsinya ialah untuk mengawas jentera organisasi itu berjalan dengan memuaskan. Di samping itu Kerajaan juga telah menubuhkan Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri untuk menerima aduan-aduan atau sungutan-sungutan daripada orang ramai mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka berhubung dengan perkhidmatan atau layanan yang tidak memuaskan oleh Jabatan-jabatan atau Ajensi-ajensi Kerajaan supaya penyiasatan dan tindakan sewajarnya dapat diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Selain daripada itu, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini bahawa satu unit baru yang dinamakan Unit Pemodenan Tadbiran dan Tenaga Manusia telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertugas untuk memperbaiki dan memodenkan pentadbiran awam serta menjalan dan menyelaraskan tugas-tugas perancangan tenaga manusia. Unit baru ini akan mengadakan perhubungan yang rapat dengan Kementerian-kementerian serta juga dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengesan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pengurusan dan pentadbiran Kerajaan dan mencari jalan untuk memperbaikinya.

Berdasarkan kepada maklumat yang telah saya sebutkan tadi, maka saya berpendapat tidaklah perlu ditubuhkan satu Pasukan Pengawasan disemua Kementerian, Jabatan, Badan-badan Berkanun dan Majlis-majlis Tempatan, sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Mohamed Sophe bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada dengan tujuan memenuhi hasrat yang dibayangkan dalam soalan 12 itu pihak Kerajaan akan menimbang menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen

untuk setiap Kementerian supaya jawatankuasa tersebut dapat mempelajari dan mengambil tahu berkenaan dengan segala perjalanan dan urusan dalam Kementerian berkenaan serta juga segala jabatan, badan berkanun dan sebagainya. Dengan cara ini boleh menjadi perantara atau tali perhubungan antara orang ramai dengan Menteri yang berkenaan dalam setiap Kementerian dan bagi pihak Ahli-ahli Parlimen sendiri sebagai Wakil Rakyat akan faham segala masaalah yang berkenaan. Sebaliknya pula boleh menjadi perhubungan antara Menteri dan menerusi Menteri segala badan berkanun dan jabatan dan sebagainya dengan orang ramai.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini lain sedikit daripada tujuan asal pertanyaan, tetapi oleh sebab kaitannya ada, bolehlah jawab.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan untuk menubuhkan satu jawatankuasa seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana nampaknya sekarang ini pun ada jentera-jentera yang tertentu dalam mana Ahli-ahli Parlimen bolehlah berhubung dengan Kerajaan dan Kementerian seterusnya, khasnya Ahli-ahli Parlimen menjadi seorang wakil Biro Pengaduan Awam. Jika orang ramai ada sungutan terhadap Kementerian ataupun jabatan-jabatan berkenaan, mereka bolehlah berhubung kepada wakil rakyat ataupun terus kepada Biro Pengaduan Awam.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa penubuhan Biro Pengaduan Awam adalah salah satu cara untuk menentukan supaya jentera Kerajaan boleh berjalan dengan lebih lancar, tetapi saya hendak bertanya iaitu adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Biro Pengaduan Awam itu tidaklah mempunyai kuasa dan kakitangan yang cukup untuk mengendalikan semua masaalah yang dirojokkan kepada Biro itu supaya cara dapat dicari untuk mengatasi semua masaalah itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini melarat kepada Biro Pengaduan Awam pula, tetapi oleh sebab Yang Berhormat Menteri sudah sebut tadi bolehlah jawab.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa Biro Pengaduan Awam tidak ada kuasa dari segi undang-undang tetapi Biro Pengaduan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri ada juga kuasa supaya meminta Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain secara pentadbiran atas keputusan-keputusan Kementerian itu yang tidak memberi satu keputusan yang dilayani oleh si penguadu itu dan Biro itu boleh menjadi pengadil. Kerajaan baru-baru ini mengkaji sekali lagi tugas-tugas Biro itu dan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengadakan pegawai-pegawai yang mencukupi.

PEGAWAI KERAJAAN MALAYSIA TIMUR — INTEGRASI PERKHIDMATAN

13. **Tuan A.K. Aliuddin** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan Pusat bercadang hendak melaksanakan sekim integrasi di antara pegawai-pegawai Kerajaan di Negeri Sabah dan di negeri-negeri Semenanjung. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Antara Kerajaan yang bersidang pada 4hb Disember, 1975 telah bersetuju pada dasarnya bagi penyatuan sekim perkhidmatan dan pegawai-pegawai bagi Jabatan-jabatan Persekutuan dan Jabatan-jabatan yang dipersekutukan di Sabah dan Sarawak dipersekutukan (integrated) dengan Perkhidmatan-perkhidmatan Persekutuan di Semenanjung Malaysia. Setakat ini Kerajaan telah melaksanakan penyatuan sekim perkhidmatan bagi pegawai-pegawai berpangkat rendah dalam Pasukan Polis Di Raja dari pangkat Konstabel sehingga Ketua Inspektor. Kajian terhadap masaalah penyatuan perkhidmatan di Jabatan-jabatan Persekutuan dan yang dipersekutukan itu sedang dijalankan

bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak menjelang pelaksanaan Tanggagaji Bersih Baharu dalam perkhidmatan-perkhidmatan sektor awam di Sabah dan Sarawak.

PERUSAHAAN BATIK DI PANTAI TIMUR

14. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada beliau sedar Perusahaan-perusahaan Batik di Negeri-negeri Pantai Timur sedang menghadapi kemerosotan yang terok sekarang ini disebabkan kenaikan harga kain putih dan harga bahan-bahan kimia. Kalau sedar, apakah tindakan segera yang akan diambil bagi membantu mereka.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kemerosotan perusahaan batik di Pantai Timur dengan kenaikan harga kain putih dan bahan-bahan kimia. Tetapi sebab yang besar sekali ialah persaingan yang dihadapi oleh mereka di dalam pasaran yang mana banyak pembatik-pembatik baru yang lebih cekap dengan modal yang lebih besar telah muncul. Untuk mengatasi perkara-perkara ini Kementerian saya sedang mengkaji beberapa langkah seperti kemungkinan mengimpor sendiri kain putih dan bahan-bahan kimia oleh MARA bersama dengan persatuan-persatuan pembatik dan perkara-perkara berhubung dengan cukai yang mana pengecualian sebanyak 25% telahpun diberi kepada kain-kain yang berjenis lama. Berhubung dengan pasaran pula pihak MARA melalui Lembaga Kraftangan Malaysia juga sedang berusaha untuk mencari pasaran yang lebih luas di Luar Negeri.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, katanya soal yang besar ialah persaingan (competition) terdapat dalam berita surat khabar baharu-baharu ini ramai pembatik-pembatik daripada Pantai Timur telah

berhijrah ke Singapura. Barangkali ini juga akan menimbulkan kemerosotan samada pihak Kerajaan atau pihak berkanun di bawah Kementerian Perusahaan Awam akan berikhtiar mengadakan penghijrahan atau perpindahan keluarga-keluarga pembatik ini dari Pantai Timur daripada Kelantan dan Trengganu kepada tempat seperti Pulau Pinang di mana banyak dan ramai pelancang-pelancang yang datang dan kalau dapat diberikan pertolongan tempat berkampung, tempat bekerja. Ini lebih menarik pelancang dan barangkali akan memperkukuhkan kedudukan perusahaan batik kita sambil juga akan menjadi kawasan yang baik kepada umat Melayu Pulau Pinang yang mahu belajar dan barangkali menjalankan perusahaan sebagai mana dijalankan di Pantai Timur itu.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ramai pembatik-pembatik kita telah berhijrah ke Singapura dan usaha sedang dijalankan untuk cuba membawa mereka balik ke tanah air kita.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa di antara kemerosotan ini disebabkan perusahaan batik yang besar yang bersaing dengan mereka itu. Jadi apa yang saya ingin tahu apakah maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri itu perusahaan-perusahaan batik yang besar itu di Malaysia atau perusahaan di luar Malaysia seperti Singapura ataupun adakah maksud jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kepada soalan saya yang saya beri pada hari ini ada perusahaan batik yang besar di Pantai Timur sebab setahu saya tiada perusahaan batik yang besar dibuka di Pantai Timur di akhir-akhir ini. Oleh itu, saya minta penjelasan.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksud ialah di dalam negeri kita yang mana memang banyak pembatik-pembatik yang besar telah muncul. Jadi dengan adanya pembatik-pembatik yang

bermodal besar ini dapatlah mereka itu mencari pasaran yang lebih luas dari pembatik-pembatik Pantai Timur. Dengan adanya pasaran-pasaran yang baharu ini oleh pembatik-pembatik besar maka dengan sendirinya pengeluaran pembatik-pembatik kecil seperti di Pantai Timur itu terlibat.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Saya tidak faham maksud yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dengan pembatik yang besar itu. Adakah maksud pembatik yang besar itu yang menggunakan kilang atau menggunakan jentera atau yang menggunakan cara tradisi?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Saya maksudkan pembatik secara tradisi bukan yang menggunakan kilang.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya rasa barangkali soalan kedua saya tadi minta supaya dipertimbangkan oleh Menteri atau Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian memberi pertolongan atau ikhtiar dan membawa keluarga-keluarga pembatik dari Pantai Timur yang mahir itu datang berusaha di Pulau Pinang yang menjadi satu tempat pelancungan yang besar samada perkara ini akan dipertimbangkan oleh Kementerian atau pihak Kerajaan?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Itu terpulanglah kepada pembatik itu sendiri.

TV PENDIDIKAN

15. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada TV Pendidikan dapat mengadakan program senaman kepada sebelah pagi (selain dari siaran radio) guna memberi kesedaran kepada rakyat betapa pentingnya senaman sebelum seseorang itu pergi bekerja, seperti mana yang diamalkan oleh setengah-setengah negara yang didapati begitu berkesan sekali dalam memberi kerihatan tubuh seseorang.

Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran buat masa ini tidak dapat menyiarkan rancangan Senaman melalui TV pendidikan oleh kerana kekurangan masa siaran. Ini adalah disebabkan Kementerian Pelajaran tidak mempunyai saluran khas untuk rancangan-rancangan TV Pendidikan. Peruntukan masa siaran untuk TV Pendidikan adalah dibuat oleh Kementerian Penerangan.

Selain daripada itu, dasar Kementerian Pelajaran terhadap TV Pendidikan ialah untuk memberi keutamaan kepada matapelajaran-matapelajaran yang lebih bercorak akademik.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar ada di antara Pegawai Lembaga Tabung Haji merungut terdapat orang-orang besar kita yang naik haji ke Mekah itu selalu menimbulkan cerewet yang bukan-bukan hingga Pegawai itu kata kalau nak ke Mekah ambil haji tinggalkan pangkat besar itu di Malaysia, dan bawalah batang tubuh sahaja ke sana supaya dapat dirasakan persamaannya, bolehkah Kerajaan butirkan cerewet-cerewet tak tentu tempat itu. Dan Pegawai-pegawai yang seperti ini bolehkah diamanahkan membela rakyat yang miskin kerana sepanjang hayat Pegawai seperti ini tak boleh bersua sedikit dengan cerewet.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Dato' Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, lapuran rasmi tidak dikemukakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji kepada Jabatan Perdana Menteri yang menyatakan ada di antara Pegawai-pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji merungut bahawa orang-orang besar kita yang naik haji selalu menimbulkan cerewet yang bukan-bukan.

Teguran yang telah dibuat oleh Pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu adalah merupakan nasihat sahaja kepada orang-orang besar yang hendak naik haji oleh kerana tidak boleh dinafikan bahawa telah berlaku kes-kes yang tertentu di mana orang-orang besar itu telah menimbulkan beberapa perkara yang tidak menyenangkan kepada petugas-petugas haji di Tanah Suci.

Pihak Lembaga ini tidaklah bertujuan hendak memberitukan perkara-perkara yang telah berlaku itu memandangkan semasa seorang menjalankan Ibadat Haji, banyaklah cubaan serta godaan syaitan yang mendorong hawa nafsunya, dan secara am cerewet seperti yang dikatakan itu adalah masalah biasa yang dihadapi oleh Petugas-petugas Lembaga di Tanah Suci.

JALANRAYA BANDAR KAPIT/PELAJAU, SG. SUT

17. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah sebarang rancangan hendak membuat sebatang jalanraya daripada Bandar Kapit ke Pelajau, Sg. Sut di Bahagian Ketujuh di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan Kementerian saya belum ada rancangan untuk membina jalan dari Bandar Kapit ke Pelajau, Sg. Sut di Bahagian Ketujuh di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Perlu dimaklumkan juga jalan yang ada sekarang ini tidak diselenggarakan oleh Jabatan Kerjaraya Sarawak.

HOSPITAL BESAR IPOH

18. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan yang berikut:

- (a) bilakah hospital yang baru di Ipoh akan siap;

- (b) samada terdapat kemudahan-kemudahan yang cukup untuk mengubat kes-kes yang segera dan serius;
- (c) samada langkah-langkah akan diambil untuk menjamin anjing-anjing dan kucing-kucing yang tidak bertuan tidak merayau-merayau di kalangan pelawat-pelawat dan pesakit-pesakit; dan
- (d) samada langkah-langkah yang serupa akan diambil untuk menjamin kedatangan yang lebih awal van-van ambulans ke kawasan-kawasan darurat umpamanya di suatu kemalangan di mana orang-orang yang cedera perlu dihantar ke hospital.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan;

- (a) InsyAllah Hospital yang baru di Ipoh akan siap pada awal tahun 1978.
- (b) Ya, hospital baru di Ipoh ini akan mendapat kemudahan-kemudahan yang cukup untuk kes-kes yang segera dan serius.
- (c) Dengan kerjasama Jabatan Haiwan, pihak berkuasa Hospital Besar Ipoh sedang mengambil tindakan untuk menentukan bahawa anjing-anjing dan kucing-kucing yang tidak bertuan yang merayau-merayau di kawasan hospital ditangkap serta dibuang tiap-tiap tiga hari sekali. Malangnya, orang ramai masih terus membuang anjing-anjing dan kucing-kucing mereka ke dalam kawasan hospital dan oleh itu keadaan ini berterusan. Kerjasama dan kesedaran orang ramai adalah diperlukan supaya pihak hospital dapat mengatasi masalah ini.
- (d) Panggilan-panggilan kecemasan untuk mendapatkan ambulans yang diterima dari kawasan di mana sesuatu kemalangan itu berlaku adalah segera diuruskan oleh Hospital Besar Ipoh. Sebuah ambulans akan dihantar ke tempat itu dengan segera. Ambulans itu akan dapat sampai awal sekiranya

tempat kemalangan itu berlaku diketahui dengan tepatnya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan. Sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sudah menjadi kebiasaan kucing dibuang di merata-rata tempat di hospital kerana menjadi satu keburukan yang kalau hendak dibunuh pun tentu susah. Jadi saya ingin dapat tahu di manakah tempat membuang kucing? Tidak adakah satu cadangan Kementerian yang berkenaan akan membuat satu tempat untuk membela kucing; kalau hendak dibunuh pun adalah salah dari segi peri kemanusiaan. Oleh itu di manakah hendak dibuang?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita dan meminta notis (*Ketawa*).

JALANRAYA INANAM/TAMPARULI DAN TUARAN

19. Tuan Buja bin Gumbilai minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bertujuan untuk memperbesar serta meninggikan taraf jalanraya dari Inanam ke Tamparuli dan Tuaran, dan jika bertujuan bila akan dilaksanakan; dan
- (b) jika tidak, samada Kerajaan akan menimbang semula perkara ini memandangkan jalanraya yang dibina sejak zaman pemerintahan British dahulu kini dalam keadaan sangat tidak memuaskan dan tambahan pula kawasan-kawasan di sepanjang jalanraya tersebut telah mengalami perubahan besar melalui pembangunan khususnya perindustrian.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan Kementerian saya sudahpun mempunyai rancangan untuk membesarkan serta meninggikan taraf

jalanraya dari Inanam ke Tamparuli di bawah 'Trunk Road Fund'. Kerja-kerja ukur dan rekabentuk untuk memperbaiki jalan ini sedang dilaksanakan. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan apabila hal-hal berkenaan dengan pengambilan balik tanah diselesaikan. Adalah dijangka kerja-kerja ini dapat dimulakan pada tahun hadapan dan disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Perlu dimaklumkan Jabatan Kerjaraya Sabah sentiasa menyelenggarakan jalanraya daripada Berungis ke Tuaran tetapi setakat ini belum ada rancangan untuk meninggikan taraf jalanraya tersebut.

KEMALANGAN JALANRAYA

20. Wan Zainab binti M.A. Bakar minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa kenderaan-kenderaan berat yang lari dengan laju selalu mengakibatkan kemalangan jalanraya, dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telahpun memberikan jawapan kepada pertanyaan yang serupa di dalam mesyuarat Dewan Rakyat yang lepas iaitu pada 24hb. Mac, 1977 ketika menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang. Oleh itu, saya tidaklah bercadang hendak menambah kepada jawapan yang sudah saya berikan itu.

RELA — KENAIKAN ELAUN

21. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa RELA masih memberikan kerjasama yang memuaskan kepada pihak polis dan kastam, dan jika ya, samada Kementerian berkenaan bercadang memberikan kuasa kepada mereka seperti kuasa yang diberikan kepada polis dan kastam dan samada

beliau bercadang menaikkan elaun mereka semasa menjalankan tugas, supaya penjenayah-penjenayah di negara ini dapat dihapuskan.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa RELA sentiasa memberikan kerjasama yang sangat erat kepada pihak polis, kastam, dan juga imijeresen untuk mencegah kejadian berbagai jenis jenayah terutama sekali di kawasan-kawasan sempadan di kawasan-kawasan sensitif. Kuasa-kuasa polis bantuan (A.P.) telah diberi kepada ahli-ahli RELA antara 2 hingga 4 orang bagi tiap-tiap satu yunit mengikut keadaan keselamatan di tempat itu. Di samping itu semua ahli RELA bergerak yang dipilih seramai 40 orang di satu-satu daerah akan diberi kuasa A.P. selepas mendapat latihan. Untuk menjaga kampung-kampung mereka ahli-ahli RELA tidak dibayar apa-apa elaun tetapi jika mereka diberi kuasa khas di luar kawasan kampung mereka pembayaran elaun adalah dipertimbangkan mengikut keadaan tugas yang dijalankan oleh mereka.

KECEMARAN ALAM SEKITAR/SUNGAI

22. Tuan Buja bin Gumbilai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi kecemaran alam sekitar dan sungai di negeri Sarawak yang merbahaya kepada penduduk-penduduk di Sarawak.

Menteri Sains, Teknologi, dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat sendiri mengetahui Sarawak merupakan sebuah negeri yang luas dan sebahagian besar daripada negeri yang tersebut masih lagi merupakan kawasan hutan. Masalah pencemaran yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat hanyalah terdapat di sekitar kawasan penempatan terutamanya di kawasan-kawasan bandar dan perindustrian yang mana ada bukti-bukti menunjukkan pencemaran alam sekeliling dan sungai berlaku. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat juga, Kerajaan Negeri dan Kementerian saya memang memandang berat kepada masaalah-masaalah ini, dan memandang jauh ke atas masaalah-masaalah yang mungkin akan timbul akibat daripada program-program perindustrian di masa akan datang. Pada awal tahun ini Kerajaan Negeri telah pun meminta Kementerian saya menghantar satu pasukan untuk menyelidik masaalah-masaalah di kawasan-kawasan yang berkenaan dan membuat beberapa perakuan-perakuan tertentu.

Satu pasukan yang terdiri dari pegawai-pegawai dari Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya telahpun dihantar ke kawasan-kawasan perindustrian di Kuching, Sibu dan Miri, dan mereka telah membuat kajian-kajian terhadap masaalah-masaalah pencemaran. Kajian-kajian ini telah ditumpukan terutama kepada perusahaan-perusahaan perakyuan, satu kilang simen dan masaalah-masaalah perlepasan oleh industri-industri lain ke dalam sungai-sungai. Pasukan dari Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya juga telah membuat beberapa pemeriksaan bagi kawasan Projek-projek industri, bagi tujuan menyesuaikan kawasan-kawasan yang dirancang untuk perindustrian dengan kawasan-kawasan perumahan.

Berdasarkan keputusan-keputusan daripada kajian-kajian yang telah dibuat, pasukan petugas Kementerian saya itu telah membuat beberapa perakuan-perakuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak terutama bagaimana cara untuk mengawal pencemaran, dan juga telah menyediakan panduan-panduan bagi Kerajaan Negeri untuk menentukan kawasan-kawasan perindustrian agar dapat disesuaikan dengan kawasan-kawasan perumahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling apabila diwartakan akan dikuatkuasakan di seluruh Malaysia termasuklah Sarawak.

KILANG PADI TANPA LESEN

23. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada beliau bercadang hendak menyatukan kegiatan kilang padi tanpa lesen pada tiap satu kawasan supaya dapat diubahsuaikan kilang berbentuk perdagangan. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatukan kilang-kilang padi yang ada sekarang ini dan diubahsuaikan terpulanglah kepada tuanpunya kilang-kilang itu sendiri.

SEKOLAH RENDAH CHINA DI SARAWAK

24. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa bilangan murid-murid yang memasuki Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) semakin bertambah terutama sekali di kawasan-kawasan bandar, jika ya, samada Kerajaan akan menambahkan bilangan Darjah Satu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) di Sarawak pada tahun hadapan.

Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa tambahan bilangan murid-murid di Sekolah Rendah China adalah merupakan tambahan biasa. Tambahan bilangan Darjah Satu di Sekolah Rendah China akan diselenggarakan mengikut keperluan dan di atas dasar tiada tambahan perbelanjaan pembangunan.

Tuan Lee Boon Peng: Soalan tambahan. Kedudukan ini juga berlaku di Semenanjung Malaysia, jadi bolehkah Yang Amat Berhormat menimbangkan untuk menambah darjah-darjah satu di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Semenanjung juga.

Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bilik-bilik darjah ditambah mengikut keperluan,

tetapi pihak Kerajaan tidaklah boleh menambahkan bilik-bilik darjah oleh kerana ibubapa memilih tempat sekolah sedangkan ada bilik-bilik darjah di sekolah lain yang belum dipenuhi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah.

(Soalan No. 25 Y.B. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah tidak hadir).

ZON PERDAGANGAN BEBAS

26. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar semenjak taraf pelabuhan bebas di Pulau Pinang dihapuskan secara beransur-ansur satu pilihan sebagai ganti kepada kehilangan itu pernah dikemukakan iaitu mengujudkan satu kawasan khas di pelabuhan Pulau Pinang yang dipanggil kawasan Perdagangan Bebas, jika ya, bilakah cadangan itu akan dilaksanakan atau adakah apa-apa cadangan lain yang sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, penghapusan taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang yang dibuat secara beransur-ansur adalah bertujuan untuk memasukkannya ke dalam kawasan Utama Kastam. Walau bagaimanapun, Pulau Pinang telah berjaya memesatkan usaha di dalam lapangan perindustrian. Adalah benar bahawa cadangan pernah dibuat untuk menjadikan Weld Quay sebagai Zon Perdagangan Bebas untuk maksud perdagangan antara kawasan tetapi setelah kajian yang mendalam dan teliti dibuat adalah didapati projek tersebut tidak 'viable'. Buat pada masa sekarang Kementerian saya sedang mengkaji secara mendalam tentang kemungkinan mengadakan rancangan kedai-kedai menjual barang-barang tanpa cukai (*duty-free shopping scheme*) untuk mengembalikan semula kegiatan perdagangan dan pelancongan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar.

(Soalan No. 27 Y.B. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar tidak hadir).

PENDAFTARAN PEMILIH

28. Tuan Chin Hon Ngian minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang membenarkan Parti-parti Politik menolong pengundi-pengundi memenuhi borang-borang pendaftaran pengundi memandangkan kenyataan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya meminta Parti-parti Politik menolong dalam kempen pendaftaran pengundi yang dijalankan sekarang.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya mengalu-alukan sebarang bantuan daripada mana-mana pihak termasuk parti-parti siasah dalam menasihati dan menyedarkan rakyat akan pentingnya mereka mendaftar sebagai pemilih supaya mereka dapat menggunakan hak mengundi mereka dalam pilihanraya nanti. Di samping itu Suruhanjaya Pilihanraya juga mengalu-alukan bantuan mereka untuk menolong orang ramai yang tidak tahu mengisi borang permohonan pendaftaran sebagai pemilih. Perlu disebutkan di sini bahawa borang yang berkenaan itu adalah mudah untuk diisi dan sesiapa sahaja yang faham Bahasa Malaysia akan dapat mengisikannya dengan senang tanpa pertolongan sesiapa pun. Borang-borang itu akan hanya diberi kepada mereka yang hendak menjadi pemilih atau kepada keluarga mereka dengan syarat mereka memberi nombor kad penganalan mereka. Patut juga saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak memerlukan bantuan mana-mana pihak untuk mendaftarkan mereka yang layak menjadi pemilih, kerana tugas pendaftaran pemilih adalah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya dan Suruhanjaya itu mempunyai kakitangan yang

cukup untuk menjalankan urusan tersebut.

Tuan Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa dalam pendaftaran pengundi yang diadakan baru-baru ini, borang-borang untuk mendaftarkan diri adalah tidak cukup dan ramai orang yang pergi kadang-kadang tiga empat kali untuk mendaftarkan diri tetapi tidak dapat didaftarkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum perkara ini dan masalah ini telah dibangkitkan pada waktu Dewan ini membahaskan usul mengenai Suruhanjaya Pilihanraya dan saya telah mengakui bahawa ada kalanya tempat-tempat yang tertentu mengalami kekurangan borang-borang, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya sudahpun mengambil langkah pada waktu itu juga bagi mengatasi masalah itu.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada benar menjadi suatu kesalahan kalau seseorang itu yang sudah didaftarkan mendaftarkan namanya sehingga kedua, ketiga dan sebagainya, dan kalau betul itu menjadi kesalahan samada terlibatnya parti-parti politik dalam usaha ini mesti dibuat dengan secara cermat supaya orang yang tidak faham itu dibantu ataupun ditolong daripada melakukan kesalahan tanpa sedar atau faham kerana kegiatan mahu menyokong orang ramai yang sentiasa berdaftar sebagai pengundi.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan masalah-masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Suruhanjaya Pilihanraya tidak memberi tugas mendaftarkan pemilih itu kepada orang lain.

Tuan Chin Hon Ngian: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membenarkan Wakil Rakyat bagi kawasan masing-masing untuk membantu orang-orang yang ingin mendaftar diri sebagai pengundi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Wakil Rakyat samalah dengan ahli-ahli politik, mana ada Wakil Rakyat yang tidak masuk politik? Hendak jawabkah Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tidak payah, Tuan Yang di-Pertua.

GURU-GURU DALAM PERKHIDMATAN PELAJARAN

29. Tuan Chin Hon Ngian (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru dalam perkhidmatan pelajaran, komposisi kaum mereka dan pengantaraan bahasa di pengajaran dalam peringkat sekolah rendah dan menengah.

Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru dalam Perkhidmatan Pelajaran di Semenanjung Malaysia mengikut pecahan kaum di peringkat sekolah rendah dan menengah ialah seperti berikut:

	Melayu	China	India/ Pakistan	Lain-lain	Jumlah
Rendah	30,114	18,171	4,853	217	53,355
Mene- ngah	14,667	11,976	3,030	478	30,151
Jumlah	44,781	30,147	7,883	695	83,506

Pecahan bilangan ini mengikut pengantaraan bahasanya di peringkat sekolah Rendah dan Menengah ialah seperti berikut:

Sekolah	Bahasa Malaysia	Inggeris	China	Tamil	Jumlah
Rendah	35,489	-	14,330	3,536	53,355
Mene- ngah	14,429	15,722	-	-	30,151
Jumlah	49,918	15,722	14,330	3,536	83,506

PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

30. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri

Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pelajar Malaysia belajar di negara-negara ASEAN yang lain, sila memberi butir-butir mengikut kursus-kursus seperti berikut:—

- (i) kursus-kursus diploma;
- (ii) kursus-kursus ijazah;
- (iii) kursus-kursus setelah memperoleh ijazah; dan
- (iv) lain-lainnya.

Berapa orang pelajar dari negara-negara ASEAN yang lain sedang belajar di Malaysia.

Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran belum ada mengumpulkan statistik-statistik yang memberi bilangan dan data yang sebenar tentang semua pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di dalam semua negara di seberang laut. Bagaimanapun suatu Pusat Pengurusan Maklumat Pelajar-pelajar telah ditubuhkan dalam tahun ini di Bahagian Pelajaran Tinggi di Kementerian Pelajaran dan tugas Pusat ini ialah mengumpulkan angka-angka dan data semua pelajar-pelajar Malaysia yang berada dalam dan di luar negeri, dan angka-angka yang dikumpulkan nanti bolehlah dipecahkan mengikut kursus-kursus atau kaum dan sebagainya.

Dengan yang demikian, sekarang ini saya dukacita tidak dapat memberi angka-angka pelajar-pelajar Malaysia mengikut pecahan-pecahan kursus seperti yang dipinta oleh Ahli Yang Berhormat itu.

LEMBAGA-LETRIK NEGARA — TRANSFORMER

31. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa transformer L.L.N. di simpang Jalan Kuala Ketil dan Jalan Sungai Petani adalah menjadi penghalang kepada lalulintas, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap perkara ini.

- (b) tarikh pembayaran tol tersebut akan dimansuhkan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (a) Perlu dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat Jambatan Abu Bakar, Pekan telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri sedang menyelenggarakan jambatan tersebut. Jumlah kutipan tol yang telah dipungut daripada jambatan tersebut daripada bulan April, 1970 hingga bulan Jun, 1977 ialah sebanyak \$2,848,709.15 sen.
- (b) Kementerian saya diberitahu oleh Kerajaan Negeri bahawa setakat ini tidak ada cadangan untuk memansuhkan kutipan tol tersebut.

QOTA IMPOT KERETA MOTOR

38. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah firma yang mempunyai impot quota kereta motor pada masa ini, dan berapa banyakkah daripada pemegang-pemegang quota terdiri daripada firma-firma Bumiputra; dan
- (b) apakah kriterium dalam memberi impot quota kereta motor kepada firma-firma Bumiputra.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut rekod-rekod di Kementerian saya jumlah syarikat-syarikat yang mempunyai quota untuk mengimpot kereta motor pada masa ini adalah seperti berikut:
- (i) *Malaysia Barat:*
Kereta baru — 20 syarikat semuanya Bumiputra.

Kereta terpakai — 8 syarikat semuanya Bumiputra.

(ii) *Sabah*

Kereta baru — 34 syarikat — 2 Bumiputra.
Kereta terpakai — 11 syarikat — 6 Bumiputra.

(iii) *Sarawak:*

Kereta baru — 25 syarikat — 1 Bumiputra.
Kereta terpakai — 15 syarikat — 8 Bumiputra.

- (b) Sebelum saya menerangkan kriterium-kriterium yang digunakan untuk memberi quota kepada syarikat-syarikat Bumiputra, ingin saya maklumkan bahawa pengimpotan kereta dilesenkan dan dikawalkan adalah dengan tujuan untuk memberi perlindungan kepada kilang-kilang pemasangan kereta tempatan. Biasanya pemberian quota ini adalah diasaskan kepada 'past performance' sesuatu syarikat itu. Ini bermakna jika sesuatu syarikat itu pernah membuat pengimpotan kereta di dalam masa yang lalu, ianya boleh diberikan quota yang berpatutan. Akan tetapi kebanyakan syarikat-syarikat Bumiputra tidak mempunyai 'past performance' dan oleh itu adalah payah sedikit Kementerian saya untuk memberi peruntukan quota kepada mereka. Sungguhpun demikian dengan adanya Dasar Ekonomi Baru, Kementerian telah membuat perlonggaran ke atas kriterium 'past performance' itu dan adalah menjadi amalan Kementerian untuk memberikan lesen-lesen impot secara 'ad hoc' kepada beberapa syarikat-syarikat Bumiputra Kementerian saya akan hanya mengeluarkan lesen-lesen impot kepada syarikat-syarikat Bumiputra yang benar-benar menjalankan perniagaan kereta-kereta dan ada kemampuan dari segi kewangan dan keupayaan memasarkan kereta-kereta bukan sahaja jenis yang

diimpot akan tetapi juga yang dipasang di dalam negeri. Oleh kerana jumlah yang boleh dibenarkan diimpot adalah terhad, tidak semua syarikat-syarikat Bumiputra boleh diberikan lesen-lesen impot atau qota. Saya sedar ada setengah syarikat-syarikat Bumiputra yang telah menyalahgunakan peluang-peluang yang diberikan oleh Kementerian saya. Kementerian saya akan menyiasat syarikat-syarikat tersebut dan jika didapati bahawa syarikat-syarikat yang berkenaan benar-benar telah menyalahgunakan lesen-lesen impot yang telah diberikan kepada mereka, Kementerian saya tidak akan teragak-agak untuk bertindak menarik balik qota-qota yang telah diberikan kepada mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 25, 27 dan 39 hingga 49 adalah diberi di bawah ini).

PENGEKSPOT BARANG-BARANG KE SABAH/SARAWAK

25. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Kewangan, adakah Kerajaan sedar bahawa barang-barang yang dihantar ke Sabah dari Semenanjung dengan menggunakan borang MCT sangat lambat diselesaikan oleh Jabatan Kastam di Semenanjung, kadang-kadang hingga memakan masa sebulan dan terpaksa pula barang-barang itu apabila sampai dimasukkan ke dalam gudang-gudang begitu lama sehingga mengakibatkan kehilangan barang-barang berlaku, dan kiranya sedar apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini supaya kejadian yang tidak diinginkan berlaku berpanjangan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Kerajaan sedar tentang kesusahan yang dialami oleh pengeksport-engeksport di Semenanjung Malaysia menghantar barang-barang mereka ke Sabah dan Sarawak dengan menggunakan borang MCT 1. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan pentadbiran kastam yang diselaraskan di seluruh Malaysia pada 1hb. Julai, 1977, pergerakan barang-barang dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak atau sebaliknya telahpun diperbaiki. Keperluan dokumen untuk mengesahkan tempasal barang-barang itu bagi menentukan pembayaran duti telah dikurangkan, dan dengan ini penghantaran barang-barang ke Sabah dan Sarawak dari Semenanjung Malaysia, yang disifatkan sebagai pemindahan dan tidak lagi sebagai eksport, dapat dipercepatkan.

DADAH — PENYALAHGUNAAN

27. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Undang-undang berapa banyak tangkapan atas kesalahan penggunaan dadah di negeri Sabah dalam tahun 1977 ini serta nilainya dan adakah kesalahan penggunaan dadah di Sabah makin menjadi-jadi dari sehari ke sehari, kiranya ada berlaku, apakah tindakan oleh Kerajaan supaya perkara ini dapat dihapuskan sama sekali.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Seramai 37 orang telah ditangkap oleh Polis berhubung dengan kesalahan-kesalahan dadah di Sabah dalam tempoh 4 bulan pertama tahun 1977 ini. Dadah-dadah yang dirampas ialah 209 gram (7 ozs) ganja bernilai lebihkurang \$70.00 dan 566 gram (1¼ lbs) candu masak bernilai \$600.00. Masalah penyalahgunaan dadah di Sabah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain adalah tidak membimbangkan kerana dadah yang didapati disalahgunakan di Sabah hanyalah candu dan ganja. Heroin, morfin dan lain-lain dadah merbahaya tidak ada dirampas di Sabah bukan

sahaja pada tahun 1977 ini bahkan ditahun-tahun yang lalu juga. Walau bagaimanapun pihak polis sentiasa mengawasi keadaan dan bertindak terhadap mereka yang bergiat dengan pengedaran dan penyalahgunaan dadah. Adalah menjadi tujuan kerajaan untuk menghapuskan sama sekali masalah ini tetapi orang ramai perlulah bekerjasama dengan kerajaan terutamanya dalam memberi maklumat kepada pihak polis berhubung dengan sebarang kegiatan mengedar dan menyalahguna dadah.

GULA PERAK

39. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada beliau akan menyiasat terhadap tuduhan-tuduhan di dalam perbadanan-perbadanan, syarikat-syarikat dan kilang-kilang yang diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri seperti GULA PERAK di mana adalah telah menjadi perkara umum bahawa Pengarah-pengarah telah menyalahgunakan kedudukan mereka dan telah menerima dalang yang besar dari pembelian jentera-jentera dan kemudiannya membuat bil kepada syarikat-syarikat supaya jatuh bankrup.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian saya untuk mengawasi perjalanan dan usaha-usaha Badan-Badan Awam yang ditugaskan kepada Kementerian saya samada di peringkat Pusat atau Negeri, dan sekiranya ada berbangkit perkara-perkara jenayah atau rasuah, perkara ini akan dirujuk kepada Polis atau Biro Siasatan Negara untuk siasatan dan tindakan, sekiranya perlu. Berhubung dengan Gula Perak, pihak saya tidak ada menerima apa-apa tuduhan tertentu. Sekiranya Yang Berhormat ada bukti-bukti *prima facie*, diharap Yang Berhormat dapat berhubung dengan saya sendiri ataupun terus dengan Biro Siasatan Negara untuk disiasat.

PELARIAN INDOCHINA KE MALAYSIA

40. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang pelarian dari negara-negara Indo-China terdapat di Malaysia sekarang dan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memulihkan mereka supaya menetap di sini dalam semangat ketetanggaan ASEAN.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Jumlah orang-orang pelarian dari negara-negara Indo-China yang masih berada di negeri ini adalah 2576 orang. Di negeri ini mereka diberi perlindungan sementara dengan semua bantuan ditanggung oleh United Nations High Commissioner for Refugees sementara menunggu penerimaan mereka oleh Negara ketiga yang diuruskan oleh badan tersebut. Oleh itu, Kerajaan tidak ada rancangan pemulihan dalam apa bentuk pun kerana dasar kita tidak membenarkan mereka tinggal tetap di sini.

KAWASAN PERUMAHAN

41. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kementerianya bercadang hendak mengadakan kawasan-kawasan perumahan mengikut sistem daerah; jika ada, bilakah sistem itu hendak dilaksanakan.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato Micheal Chen Wing Sum): Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian saya tidak bercadang mengadakan kawasan-kawasan perumahan mengikut sistem Daerah. Sebagai yang termaklum, perihal mengenai tanah dan perumahan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri melainkan dalam Wilayah Persekutuan. Lazimnya Kerajaan-kerajaan Negeri mengemukakan projek-projek mereka mengikut keperluan keutamaan masing-masing.

Perumahan tidak semestinya merupakan masalah utama bagi tiap-tiap daerah dan dengan itu, mengadakan kawasan-kawasan perumahan bagi tiap-tiap daerah mungkin akan mengurangkan pula peruntukan bagi lain-lain projek pembangunan yang dianggap lebih utama. Walau bagaimanapun Kementerian saya telah menasihatkan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan supaya mengadakan simpanan tanah-tanah Kerajaan atau "Land Bank" bagi maksud perumahan mengikut jangkaan keperluan masing-masing.

TAHANAN ABDULLAH MAJID DAN DATUK ABDULLAH AHMAD

42. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa Encik Abdullah Majid dan Datuk Abdullah Ahmad masih ditahan sungguhpun mereka telah bertaubat secara terbuka dan telah menyesal secara terbuka juga tentang tindak-tanduk mereka pada masa yang lampau.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tidak semestinya dibebaskan apabila mereka membuat pengakuan umum tentang kegiatan pro komunis mereka tetapi pembebasan seseorang tahanan itu adalah bergantung juga kepada sikap serta kemajuan yang dicapai di dalam pemulihan. Pada masa ini Kerajaan berpendapat pembebasan mereka berkenaan belumlah wajar.

TANDA HARGA BARANG

43. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan menguatkuasakan peraturan di mana semua bungkusan barang-barang yang dikeluarkan di Malaysia menggunakan label dalam Bahasa Malaysia.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kementerian saya telah membuat peruntukan

di dalam peraturan-peraturan tanda harga terhadap 111 jenis barang di mana semua pengilang-pengilang barang itu dikehendaki buat keterangan-keterangan tanda harga di atas bungkusan dalam Bahasa Malaysia.

PENYEBARAN IDEOLOGI KOMINIS

44. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa ada orang yang mengembangkan ideologi komunis dan juga menjadi penyokong-penyokong komunis yang membahayakan negara, dan jika ya, samada beliau bercadang mengenakan hukuman yang lebih berat dari yang ada sekarang ini kepada orang-orang ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan sentiasa sedar dan penuh waspada terhadap masalah ejen-ejen komunis atau penyokong-penyokongnya yang menyibar ideologi komunis di kalangan semua peringkat masyarakat di dalam negara. Kegiatan-kegiatan mereka sentiasa diikuti dan di dalam kes-kes yang terdapat bukti-bukti yang lengkap tindakan undang-undang sewajarnya telah dan akan terus diambil terhadap mereka. Sekiranya penglibatan mereka, tidak sehingga melakukan kesalahan jenayah, tindakan mengenakan sekatan atau menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah memadai, bagi mencegah seseorang yang tidak bertanggungjawab itu daripada melakukan perkara-perkara yang boleh memudharatkan Keselamatan Negara. Walau bagaimanapun, di dalam kes-kes dimana Kerajaan mempunyai bukti-bukti yang jelas bahawa seseorang itu di samping menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh memudharatkan keselamatan negara telah juga melakukan sesuatu kesalahan jenayah, tindakan untuk membawanya ke mahkamah memang diambil.

Undang-undang yang ada sekarang ini adalah mencukupi untuk menghadapi cabaran-cabaran komunis yang ada hari ini.

PEMBERHENTIAN PEKERJA-PEKERJA BUMIPUTRA

45. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasatan Pembuangan Pekerja-pekerja Bumiputra bagi mengatasi masaalah seperti yang terjadi dalam Majuternak baru-baru ini;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa masih tidak terdapat keseimbangan gaji di antara pekerja-pekerja Bumiputra dan bukan Bumiputra yang bekerja di pihak swasta. Jika sedar, apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masaalah ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan pemberhentian pekerja-pekerja termasuk pekerja-pekerja bumiputra, dan juga untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan supaya mendapatkan kerja lain.

Langkah utama ialah penubuhan Satu Pasukan Pertugas mengenai pemberhentian pekerja-pekerja pada tahun 1975 yang antara lain menjalankan fungsi-fungsi berikut:—

- (a) Mengkaji sahnya sebab-sebab untuk memberhentikan pekerja-pekerja termasuk pemberhentian sementara, dan mengurangkan hari bekerja atau sif yang berlaku di mana-mana pertubuhan;
- (b) Mengkaji pemberhentian pekerja-pekerja atau pengurangan hari bekerja atau sif yang dicadangkan di mana-mana pertubuhan dan membuat cadangan-cadangan untuk mengelak atau mengurangkan kesan buruknya;
- (c) Mengkaji pemberhentian pekerja-pekerja yang akan dijalankan di mana-mana perusahaan, dan membuat syor-

syor mengenai langkah-langkah untuk meredakan kedudukannya.

Sehingga kini pasukan pertugas tersebut telah berjaya menjalankan beberapa penyiasatan mengenai pemberhentian-pemberhentian yang dilaporkan kepadanya dan telah memberi nasihat atau cadangan berhubung dengan pemberhentian pekerja-pekerja itu. Walau bagaimanapun adakalanya pemberhentian pekerja-pekerja ada kaitan dengan keadaan ekonomi yang meleset atau sebab kerugian besar yang dihadapi oleh majikan.

Langkah lain ialah membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan supaya mendapatkan pekerjaan lain. Tugas ini telah sedia dijalankan oleh Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Rakyat. Perkhidmatan ini sentiasa memberi nasihat kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja supaya mendaftar diri mereka dengan Pejabat Pekerjaan, dan ada kalanya pegawai-pegawai dari Pejabat Pekerjaan sendiri pergi ke tempat-tempat pekerjaan di mana pemberhentian pekerja-pekerja berlaku untuk mendaftar pekerja-pekerja yang terlibat bagi mendapatkan pekerjaan yang lain.

Oleh yang demikian, Kerajaan berpendapat tidaklah perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa penyiasat pembuangan pekerja-pekerja.

PINJAMAN LUAR NEGERI

46. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Jumlah wang pinjaman dari luar negeri;
- (b) Nama negeri yang memberi pinjaman;
- (c) Untuk pembangunan projek di negeri mana di Malaysia ini;
- (d) Jumlah faedah yang akan dibayar dengan tempoh lamanya sekali.

Dan adakah beliau berpuashati wang pinjaman tersebut dapat membaiki taraf ekonomi, sosial dan fizikal rakyat Malaysia.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

- (a) Jumlah pinjaman luar negeri termasuk pinjaman pasaran yang telah diperolehi oleh Kerajaan untuk membiayai projek-projek pembangunan setakat 31hb. Mei 1977 adalah sebanyak lebih kurang \$5,850.85 juta.
- (b) Selain daripada institusi-institusi kewangan seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia dan Bank-Bank perdagangan, pinjaman-pinjaman juga diperolehi daripada negeri-negeri yang berikut:—
- (i) Jepun
 - (ii) Jerman Barat
 - (iii) United Kingdom
 - (iv) Amerika Syarikat
 - (v) Sweden
 - (vi) Denmark
 - (vii) Belanda
 - (viii) Peranchis
 - (ix) Kanada
 - (x) Arab Saudi
 - (xi) Kuwait
 - (xii) Korea
 - (xiii) Austria
 - (xiv) Australia
- (c) Pinjaman-pinjaman yang diperolehi itu adalah untuk projek-projek pembangunan di merata negeri di Semenanjung Malaysia dan di Malaysia Timur. Misalnya:
- (i) Projek Perairan Muda di Kedah dan Kemubu di Kelantan,
 - (ii) Projek Ladang Tebu di Perlis,
 - (iii) Projek Bekalan Air di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Ipoh, Kuching dan Sibiu,
 - (iv) Projek Tenaga Letrik di Perak, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah,
- (v) Projek Rancangan Tanah Felda di Johor, Pahang, Kelantan, Negeri Sembilan, Trengganu dan Sabah,
 - (vi) Projek Pelabuhan di Pulau Pinang, Sibiu, Kuantan, Pasir Gudang dan Pelabuhan Kelang,
 - (vii) Projek Pertanian di Trengganu,
 - (viii) Projek Limbungan Kapal di Pasir Gudang,
 - (ix) Projek Lapangan Terbang di Pulau Pinang,
 - (x) Projek Jambatan di Temerloh dan Sabak Bernam,
 - (xi) Projek Pelajaran di seluruh negara,
 - (xii) Projek Jalan dan Lebuhraya Kuala Lumpur — Karak, Timor — Barat, Kuala Lumpur — Seremban, Jerengau — Jabur dan Ranau — Tanparuli,
 - (xiii) Pinjaman juga diperolehi untuk membeli alat-alat kelengkapan pertahanan, alat-alat talikom, wagon untuk Keretapi Tanah Melayu dan kapal-kapal untuk MISC.
- (d) Setakat 31hb. Mei, 1977 jumlah faedah yang telah dibayar oleh Kerajaan terhadap pinjaman-pinjaman tersebut adalah sebanyak \$44.17 juta tetapi jumlah faedah yang akan dibayar oleh Kerajaan tidak dapat dikira sekarang kerana wang pinjaman belum dikeluarkan dengan sepenuhnya. Wang pinjaman hanya akan dapat dikeluarkan dengan sepenuhnya apabila sesuatu projek itu telah selesai dilaksanakan atau sesuatu pembekalan alat-alat kelengkapan telah dibuat dengan sepenuhnya. Perkiraan faedah adalah berdasarkan kepada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan dan ke atas baki pinjaman dari masa ke semasa setelah pembayaran pokok dibuat.

Walau bagaimanapun, kadar bunga yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman itu adalah antara 3% hingga 9% dan tempuh pinjaman adalah antara 5 hingga 30 tahun.

BANJIR DI KUALA LUMPUR

47. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa nama baik bandar Kuala Lumpur sebagai Ibu Negeri Persekutuan sudah terjejas memandangkan selalunya berlaku banjir bila sahaja hujan lebat mengakibatkan kesusahan kepada keluarga-keluarga Bumiputra yang miskin dan yang berpendapatan rendah. Jika ya, apakah tindakan yang beliau akan ambil dan bila, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Kerajaan sedar bahawa banjir kerap berlaku di beberapa kawasan di Kuala Lumpur setiap kali hujan lebat. Masalah ini telah dikaji oleh Kerajaan dan tindakan sedang diambil untuk mengatasinya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga wang sejumlah \$20 juta telah diperuntukkan bagi menjalankan kerja-kerja berikut:—

- (i) Meningkatkan Empangan Klang Gate
- (ii) Memperbaiki Sungai Batu dan Sungai Klang
- (iii) Memperbaiki sistem perparitan bandar.

Di samping itu pemaju-pemaju swasta juga diminta memberi sumbangan dalam perbelanjaan mengadakan longkang-longkang besar (main drains) di kawasan masing-masing. Contohnya ialah di Batu 4½ Jalan Klang Lama di mana terdapat kerja-kerja pembaikan sistem perparitan yang melibatkan pemaju swasta. Contoh yang sama di kawasan-kawasan lain ialah di Taman Cheras, Jalan Cheras.

BUMIPUTRA DI FIRMA-FIRMA

48. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Perdana Menteri menyatakan, samada beliau sedar ada setengah-setengah firma swasta yang membezakan pekerja-pekerja bumiputra dan bukan bumiputra di firma-firma mereka dari segi peluang naik pangkat dan tanggagaji, jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini kerana jika tidak diatasi segera pekerja-pekerja bumiputra akan tawar hati bekerja di firma-firma swasta dan akibatnya hasrat Kerajaan hendak memberi peluang 30% penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan mungkin tidak tercapai.

Perdana Menteri: Soalan Yang Berhormat ini adalah terlalu umum, dan susahlah bagi saya hendak memberi jawapan. Dasar Kerajaan mengenai pengambilan, peluang naik pangkat dan tanggagaji terhadap pekerja-pekerja bumiputra, adalah terang dan nyata. Jika sekiranya ada firma-firma swasta yang mengamalkan perbezaan yang tidak berpatutan penyiasatan akan dibuat dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

PERSATUAN BEKAS PERAJURIT MALAYSIA

49. Tuan A.K. Aliuddin bertanya kepada Menteri Pertahanan samada Kerajaan Pusat mengiktiraf wujudnya dua buah Cawangan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia yang terdapat di Negeri Sabah sekarang ini. Jika tidak, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan dari berlakunya perpecahan di kalangan bekas anggota-anggota perajurit di Negeri itu.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Kerajaan Pusat mengiktiraf Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sebagai satu persatuan sukarela yang benar-benar dianggotai serta mewakili bekas-bekas perajurit. Mengikut perlembagaannya Persatuan tersebut boleh menubuhkan cawangan-cawangan di setiap negeri dalam negara kita ini.

Berkenaan dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis itu, yang menyatakan bahawa terdapat 2 buah cawangan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia di Sabah, sukalah dijelaskan iaitu kenyataan itu adalah tidak betul oleh kerana hanya terdapat satu sahaja cawangan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia di negeri tersebut iaitu "Persatuan Bekas Perajurit Malaysia Cawangan Negeri Sabah". Persatuan yang lagi satu iaitu "Persatuan Bekas Perajurit Sabah" hanyalah merupakan sebagai ahli bergabung (affiliate member) kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

Kerajaan berpendapat adanya dua buah Persatuan itu tidak akan memecahbelahkan bekas-bekas perajurit di negeri itu kerana kedua-dua persatuan itu adalah semata-mata akan menolong ahli-ahli mereka dengan memberi pertolongan dan bantuan dan terpulunglah kepada seseorang bekas perajurit itu untuk menjadi ahli-ahli kepada salah satu persatuan yang mereka layak menjadi ahli.

Langkah yang telah diambil oleh Kerajaan mengiktiraf suatu Persatuan Bekas Perajurit yang beribu pejabat di Kuala Lumpur dan yang akan menyusun cawangan-cawangannya di peringkat negeri adalah sesuai untuk menyelaraskan semua kegiatan Bekas Perajurit dalam Persekutuan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb. Julai, 1977).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli

Yang Berhormat, waktu Majlis ini ditempuhkan pada petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Kangar sedang bercakap. Dan saya benarkan beliau menyambungkan ucapannya untuk beberapa minit lagi kerana kita hendak selesaikan Rang Undang-undang ini untuk diputuskan pada hari ini.

3.35 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan yang Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Menyambung ucapan saya pada petang semalam, saya berpendapat Rang Undang-undang ini juga akan dipersetujui bukan sahaja oleh rakyat yang tidak bersangkutan dengan perkhidmatan awam bahkan oleh anggota-anggota perkhidmatan awam yang menjadi ahli Kesatuan Sekerja sendiri yang mana mereka ini memikirkan kepentingan negara lebih daripada segala-galanya. Maka dengan sebab itu, saya merayu kepada seluruh perkhidmatan awam yang menjadi anggota Kesatuan Sekerja sama-sama insaf atas perkara ini.

Izinkan saya bercakap terus terang bagi diri saya sendiri dan sebagai seorang Wakil Rakyat dan termasuk kesemua di antara kita, ada di antara keluarga-keluarga kita sendiri yang menjadi ahli perkhidmatan awam. Saya sendiri mempunyai adik dua orang yang menjadi ahli perkhidmatan awam yang mana saya yakin mereka ini telah menyertai Kesatuan Sekerja. Tetapi apa yang Kerajaan buat hari ini ialah memikirkan demi kepentingan negara, rakyat ramai daripada rakyat yang sedikit. Dengan sebab itu bila sahaja tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh Kesatuan Sekerja yang terdahulu daripada ini, tidak ada satu Rang Undang-undang yang boleh menahan, melainkan kalau kita tidak buat sebagaimana yang saya katakan pada petang semalam, akibatnya Kerajaan menjadi serba salah. Maka dengan adanya Rang Undang-undang ini, rakyat akan berpuas hati dan kerana tiap-tiap kali sahaja diminta naik gaji oleh Kesatuan Sekerja maka rakyat telah menjadi heboh dan Kerajaan menjadi tempat tohmah dan sebagainya. Pendapatannya amatlah jauh

jikalau dibanding hari ini dengan pendapatan orang kampung yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan. Bila sahaja dibuat kebaikan maka kitalah, Kerajaan dan termasuklah kita Wakil Rakyat sendiri yang hadir di kampung-kampung dan mereka berkata tidak cukupkah lagi dengan apa yang dituntut oleh Kesatuan Sekerja.

Saya sendiri sebagaimana saya katakan tadi, saya tidak tahu hendak menjawab, kerana saya tahu, kalau salah-salah kita jawab, Kerajaan kita tidak ada undang-undang yang konkrit seperti hari ini. Maka dengan sebab itu, saya percaya Rang Undang-undang ini sebagaimana yang saya katakan pada petang semalam akan diterima oleh semua golongan termasuk Kesatuan Sekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung saya kepada soal Kesatuan Sekerja, saya berpendapat dan saya mengesyorkan seboleh-bolehnya Kerajaan mengadakan satu peraturan tambahan kepada Kesatuan Sekerja dan ahli-ahli Perkhidmatan Awam yang mana kita dapat tahu pada hari ini, saya tidak tuduh kesemua, kita dapati kalau nyior semayang, kadang-kadang ada sebiji dua yang tak molek. Saya tidak kata semua nyior itu tidak baik. Tetapi kita tidak nafikan kadang-kadang ada pegawai-pegawai Kesatuan Sekerja yang menyeleweng — bekerja tidak ikut masa, dan kadang-kadang cukup malas bekerja sebagaimana soalan yang dikemukakan oleh saudara kita tadi. Tetapi kita pada hari ini, saya tengok tidak ada satu peraturan dan undang-undang. Kalau seorang itu malas, kita tidak boleh buang kerja melainkan kesalahan yang dia buat seperti rasuah, jenayah, kena denda dan sebagainya. Kalau soal malas atau tinggal kerja atau dia tidak pergi kerja mengikut waktu biasa pukul 8.00 pagi tetapi pergi pukul 9.00 — tidak ada undang-undang yang boleh menyekatnya. Jadi saya berpendapat dan saya berharap kalau Rang Undang-undang ini kita boleh buat maka sepatutnya kita tambah ataupun kita adakan satu undang-undang lagi. Dan sekali lagi saya tegaskan, saya tidak

tuduh semua pegawai-pegawai Kerajaan dan saya anggap semua pegawai-pegawai Kerajaan, ahli-ahli perkhidmatan awam amatlah baik bekerja. Tetapi di samping itu saya percaya ahli-ahli perkhidmatan awam bersetuju dengan saya, pegawai Kerajaan juga bersetuju dengan saya, barangkali ada seorang dua di satu-satu tempat yang malas, ini kita tidak boleh nafikan. Jadi patutlah aturan ini kita adakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat patutlah dari segi pertimbangan Ahli Penal ini dibuat kajian kepada pekerja-pekerja yang agak terlampau susah. Kita tahu hari ini banyak orang-orang yang dalam Kesatuan Sekerja baik, dalam perkhidmatan awam baik kadang-kadang mereka meletakkan jawatan dengan rela, kerana mereka dapat kerja lain yang gajinya lebih tinggi. Misalnya, doktor kadang-kadang tidak berapa tahu mereka berkhidmat dalam perkhidmatan kedokteran secara kontrek, disebabkan mereka mendapat scholarship. Selepas daripada itu, mereka tidak tahan lagi kerana gaji mereka kalau dibandingkan dengan payahnya mereka mendapatkan kelulusan maka mereka terpaksa lari ke tempat lain. Begitu juga badan-badan perniagaan. Kalau berharap kepada apa yang dituntut oleh Kesatuan Sekerja tadi kita tengok apa pekerjaannya seperti yang saya katakan tadi amat susah dan banyak orang lari disebabkan swasta mengambil mereka. Jadi apa yang dituntut oleh Kesatuan Sekerja dibidang ini patutlah diberikan istimewa supaya kakitangan perkhidmatan awam ini, baik dari Kesatuan Sekerja tidak meletakkan jawatan mereka.

Akhir sekali, sebagaimana kata Tuan Yang di-Pertua tadi saya tidak payah bercakap panjang, maka saya membuat kesimpulan iaitu Rang Undang-undang ini akan menjadi kebaikan kepada negara dan kepada semua rakyat. Saya berdoalah dengan kelulusan Rang undang-undang ini dalam negara kita tidak ada mogok lagi, kerana dalam Rang Undang-undang ini boleh dikatakan ketat iaitu boleh diambil tindakan oleh Kerajaan.

Saya berharap dengan Rang Undang-undang ini juga pihak pelaburan luar negeri yang mana kita tahu kadang-kadang kalau sekali sekala Kesatuan Sekerja mogok boleh jadi pelaburan luar itu takut hendak masuk ke negara kita. Kalau negara kita kucar-kacir baik daripada mana-mana sekali pun bukan sahaja Kesatuan Sekerja akan menerima kesusahan, bahkan rakyat seluruhnya. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya yakin menjadi satu jalan kebaikan untuk negara kita.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.44 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selayan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan 1977. Tetapi walau bagaimanapun, saya juga ingin mengemukakan sedikit cadangan untuk dipertimbangkan oleh Parlimen.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang telah dapat menyelesaikan 'industrial unrest' di dalam Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam, baru-baru ini.

Saya yakin tidak ada siapa yang sanggup melihat kejadian yang berlaku baru-baru ini, di mana pekerja-pekerja berpiket dan berdemonstrasi dengan riuh rendah di hadapan bangunan pejabat kerajaan kita. Adalah satu perkara yang memalukan apabila kita melihat sebuah negara yang aman dan makmur seperti Malaysia diganggu oleh kakitangan kerajaan yang menjerit-jerit dan mem-booing ketua-ketua pejabat mereka.

Saya adalah sentiasa menyebelahi pekerja-pekerja yang berjuang mendapatkan hak, berjuang untuk gaji yang berpatutan, berjuang untuk waktu kerja dan masa rehat yang berpatutan, berjuang untuk mendapatkan faedah yang lebih baik semasa bersara dan akhirnya tanpa kesudahan ialah untuk kaum wanita

yang berjuang untuk mendapatkan gaji yang sama selaras dengan tugas yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ingin bertanya, adakah patut kita meneruskan perjuangan seumpama itu di atas jalan-jalan raya? Atau adakah wajar bagi kita menyelesaikan sengketa itu secara bertamadun di atas meja perundingan?

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Pekerja-pekerja sepatutnya dibayar gaji yang berpatutan selaras dengan tugas yang dijalankan oleh mereka; begitu juga dengan kakitangan kerajaan, mereka hendaklah juga dibayar dengan gaji yang berpatutan. Keadaan yang tidak menyenangkan di dalam negara kita sekarang ialah berhubung dengan 'What is fair wages'. Majikan dan pekerja tidak sependapat dengan 'What is fair wages'. Kita yang berada di dalam Parlimen hendaklah cuba mencari penyelesaian yang kekal terhadap problem 'What is fair wages' bagi semua kategori pekerja.

Fasal 14(2) Rang Undang-undang 1977 mentakrifkan bahawa dalam membuat keputusan mengenai sesuatu anomoli, Tribunal hendaklah menimbang tentang kepentingan negara, implikasi kewangan dan kesan keputusan itu keatas ekonomi negara hendaklah dipertimbangkan semasa membetulkan segala anomoli di dalam perkhidmatan kerajaan. Bolehkah criteria ini dipatuhi, samada untuk sektor persendirian atau sektor awam?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita telah cuba mendapatkan penyelesaian 'ad hoc' terhadap gaji dan syarat-syarat bekerja. Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 adalah satu contoh yang baik untuk penyelesaian sementara yang agak menjadi satu problem yang kekal bagi gaji dan syarat-syarat bekerja di dalam sektor awam.

Kerajaan mempunyai satu reputasi sebagai majikan yang baik. Sebahagian dari organisasi

di dalam sektor bersendirian telah sama-sama menjadi majikan yang baik. Adalah salah dari segi moral untuk membahagi dan memerintah (divide and rule) pekerja-pekerja dalam sektor awam dan sektor persendirian secara begini.

Kita cuba menyatukan rakyat. Kita hendaklah menyatukan majikan dan pekerja di dalam sektor-sektor awam dengan melaksanakan struktur gaji yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, masanya telah tiba bagi Malaysia mengadakan satu Majlis Gaji Kebangsaan atau Jawatankuasa Penyelidikan Gaji Kebangsaan yang ditubuhkan oleh Akta Parlimen. Badan Kebangsaan ini hendaklah diberikan kuasa undang-undang untuk berunding dengan majikan dan Kesatuan Sekerja, samada di dalam kerajaan atau sektor persendirian supaya dapat membetulkan struktur gaji tahunan; dengan demikian pekerja-pekerja dalam setiap kategori dapat dibayar gaji yang berpatutan. Tidak ada pekerja yang mesti dibeza-bezakan disebabkan pekerjaan, bangsa, jantina atau tempat di mana ia bertugas.

Sekiranya kita telah mempunyai satu Majlis Gaji Kebangsaan atau Jawatankuasa Penyelidik Gaji Kebangsaan, kita tidak payah lagi menghadapi kekecuaan perindustrian di atas jalan-jalanraya di Malaysia atau tersua dengan "kerja mengikut peraturan", mogok dan 'lock-outs'.

Pekerja dan majikan akan mempunyai satu badan undang-undang untuk mengendalikan sebarang kekecuaan perindustrian yang timbul. Semua pekerja akan dapat memandangkan masa depan yang cerah dengan kenaikan gaji tahunan untuk dibawa balik ke rumah, iaitu gaji yang diselaraskan dengan kenaikan perbelanjaan sara hidup, akibat dari keadaan inflasi negara. Tidak ada pekerja yang harus diketepikan seperti keadaan sekarang yang melibatkan pekerja-pekerja yang tidak mempunyai kesatuan-kesatuan sekerja atau kesatuan-kesatuan yang kurang aktif. Kesatuan-kesatuan yang gagah dan kuat tidak akan ber-

jaya mendapatkan kepingan besar juadah ekonomi, sepertimana yang mereka lakukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta Kerajaan meluaskan bidang Rang Undang-undang Public Services Tribunal 1977, supaya Tribunal itu akan dapat dikekalkan di dalam kehidupan negara kita, bersabit dengan pelaksanaan tahunan ke atas wang upahan dan gaji bagi semua kategori pekerja di dalam Malaysia, samada di dalam sektor persendirian atau sektor Kerajaan.

Biarlah kita sentiasa mengharapkan kedamaian perindustrian di dalam Malaysia dan menjamin setiap pekerja mempunyai bahagian juadah ekonomi yang sah dan menikmati hak yang halal di dalam Malaysia yang makmur.

3.50 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa kita bergantung kepada anggota-anggota Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan tugas-tugas dan kemajuan-kemajuan pembangunan dan izinkanlah saya di sini untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh anggota Perkhidmatan Awam kita yang telah memberi khidmat yang begitu cemerlang kepada negara di bidang dan sektor pembangunan.

Sungguhpun ada sebilangan kecil — sege-lintir yang agak tidak menjalankan tugas-tugas mereka secara cemerlang tetapi pada keseluruhannya maka bolehlah kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan memberi penghargaan yang setinggi-tingginya kepada anggota-anggota Perkhidmatan Awam kita dari segi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan khusus di bawah Dasar Ekonomi Baru kita. Oleh kerana khidmat cemerlang mereka itulah maka rasa saya dari satu masa ke satu masa Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Gaji bagi menimbang dan mengkaji gaji-gaji anggota-anggota Perkhidmatan

Awam kita sepertimana Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Gaji Suffian dan juga Suruhanjaya Gaji Aziz dan dewasa ini Lapuran Gaji Baru Kabinet kita. Ini pada pendapat saya membuktikan penghargaan Kerajaan di atas khidmat cemerlang yang telahpun diberi oleh anggota-anggota Perkhidmatan Awam kita di bidang sektor pembangunan. Tetapi sepertimana kita sedia maklum dalam mana-mana Suruhanjaya Gaji sekalipun atau di mana-mana juga Lapuran Gaji sekalipun memang ada sedikit-sebanyak kepincangan ataupun anomali. Ini adalah satu perkara yang tidak boleh dielakkan, baik Suruhanjaya Gaji Aziz ataupun Suruhanjaya Gaji Harun ataupun Suffian dan lapuran-lapuran yang berkenaannya sudah tentu ada di dalam lapuran-lapuran itu kepincangan-kepincangan ataupun anomali-anomali yang tertentu dan dari satu masa ke satu masa maka kedua-dua pihak, iaitu Perkhidmatan Awam dan pihak Kerajaan sebagai majikan mengadakan rundingan bagi mengatasi masalah-masalah anomali yang timbul daripada lapuran-lapuran tersebut.

Pada pendapat saya mengikut daripada akhbar-akhbar banyak daripada anomali-anomali telahpun dapat diatasi, tetapi ada beberapa anomali yang masih lagi belum diselesaikan dan perbincangan ini ada setengah-setengahnya berjalan begitu panjang, begitu lama, masih tidak dapat apa-apa penyelesaian. Oleh kerana pada pendapat saya cuma ada dua pihak sahaja yang membincangkan anomali ini, iaitu pihak Perkhidmatan Awam dan satu lagi pihak majikan, iaitu pihak Kerajaan, sudah tentu ada anomali-anomali yang tidak dapat keputusan. Oleh kerana tidak ada finality maka pada pendapat saya sudah kena pada tempatnya masalah-masalah ini diselesaikan. Kalau tidak, anomali-anomali yang tersebut akan berpanjangan, sampai bila pun anomali-anomali tersebut tidak akan dapat diselesaikan melainkan satu cara yang hemah dapat difikirkan untuk menyelesaikan anomali-anomali yang tidak dapat disesuaikan oleh kedua-dua pihak itu. Maka ini saya fikir amat membanggakan di dalam Bil ini cuba

hendak mewujudkan satu Tribunal, satu pihak yang ketiga secara adil dan saksama untuk menyelesaikan secara finality anomali-anomali yang tidak dapat dan belum lagi dapat diselesaikan oleh kedua-dua pihak dari satu pihak, pihak Perkhidmatan Awam dan yang kedua, pihak Kerajaan sebagai majikan. Saya percaya insya Allah, dengan tertubuhnya Tribunal ini, iaitu pihak yang ketiga maka anomali-anomali yang saya sebutkan ini akan dapat diselesaikan dengan penuh bijaksana dan dalam suasana yang penuh keadilan.

Seperkara lagi di dalam perbincangan anomali di antara kedua pihak, iaitu pihak Perkhidmatan Awam dan pihak Kerajaan sebagai majikan dewasa ini, saya lihat bahawa suasana perbincangan itu banyak sangat publisiti. Pihak-pihak akhbar memanglah tugas mereka melapurkan perbincangan-perbincangan, melapurkan apakah tuntutan dari segi pihak Perkhidmatan Awam dan apakah pandangan dan aspek dari sudut Kerajaan. Oleh kerana timbul publisiti ini maka ini menyakinkan penyelesaian setengah-setengah daripada anomali-anomali yang belum lagi diselesaikan oleh kerana pihak Perkhidmatan Awam mungkin tidak boleh hendak tolak-ansur kerana sebab-sebab yang tertentu. Dari segi pihak Kerajaan pula mungkin ada sebab yang tertentu mereka tidak boleh memersetujui setengah-setengah daripada anomali-anomali yang telah dibangkitkan. Di dalam keadaan yang banyak publisiti masing-masing pegang pendirian masing-masing. Jadi ada baiknya perundingan-perundingan di antara kedua-dua pihak ini dijalankan di dalam keadaan tidak ada publisiti, dalam suasana yang aman, dalam suasana yang tidak ada campurtangan daripada mana-mana pihak sekalipun. Biarlah kedua-dua pihak ini, dari segi pihak Perkhidmatan Awam dan pihak Kerajaan sebagai majikan membincangkan dan cuba menyelesaikan masalah-masalah anomali ini tanpa publisiti yang terlampau banyak, tanpa campurtangan dari mana-mana pihak sekalipun melainkan kalau mereka sudah tidak boleh selesai, tidak boleh mendapat persetujuan maka di sinilah letaknya kebijaksanaan Bil ini maka bolehlah perkara itu

dirojokkan kepada Tribunal dan Tribunal ini boleh menyelesaikan dengan secara muk-tamad dan finality.

Perkara ketiga, dewasa ini tanpa Bil ini kemungkinan akan berlaku bahawa penyelesaian ataupun keputusan yang dibuat hasil daripada perbincangan di antara Perkhidmatan Awam dan Kerajaan mungkin tidak dapat dilaksanakan kerana tidak ada satu enforcement body, tidak ada kuasa untuk hendak melaksanakan kalau sekalipun persetujuan telah tercapai, kerana mengikut pandangan saya dalam keadaan yang ada ini pelaksanaan sesuatu keputusan itu hanya secara moral (moral obligation) sahaja dan kemungkinan boleh jadi timbul bahawa sesuatu keputusan di antara kedua pihak itu ada bahagian-bahagian yang tidak dapat dilaksanakan dan dijalankan. Di sini juga nampaknya Bil ini bertujuan untuk mengatasi masalah itu, kerana mengikut Bil ini apa juga keputusan, baik dari segi perundingan di antara Kerajaan dan majikan ataupun keputusan Tribunal ini mempunyai kuasa enforcement, mempunyai kuasa boleh dilaksanakan dengan kuatkuasa Undang-undang. Bermakna apa yang diputuskan hasil daripada perundingan Perkhidmatan Awam dan Kerajaan ataupun keputusan Tribunal itu sudah tentu dan pasti dapat diexecutekan, dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Satu perkara yang amat menarik perhatian saya di dalam Bil ini ialah Bil ini cuba hendak mewujudkan satu suasana perundingan tanpa campurtangan mana-mana pihak pun dan juga Bil ini pada pendapat saya bermaksud untuk sekiranya ada perkara-perkara yang tidak boleh hendak diselesaikan mana-mana anomali, perbincangan akan berlaku di dalam suasana yang tidak mengancam, seolah-olah ada gencatan senjata. Kalau boleh saya mengambil satu example di dalam pergaduhan umpamanya. Kita hanya berunding sekiranya keadaan dan suasana aman muhibbah dan baik berlaku dan berat sedikit mana pihak hendak berunding, sekiranya ada bentuk-bentuk ancaman yang dilakukan oleh salah

satu daripada dua pihak yang hendak berunding itu. Di sini saya fikir Bil ini bijak kerana di dalamnya ada diperuntukkan peruntukan-peruntukan yang menahan pihak pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam untuk melancarkan proscribed industrial action apabila sesuatu permohonan anomali dikemukakan untuk perbincangan di antara pihak Perkhidmatan Awam dan Kerajaan ataupun setelah dihantarkan untuk keputusan Tribunal. Ini suatu tindakan pada pendapat saya yang paling bijak sekali. Dengan cara mengadakan bahawa perkara-perkara proscribed industrial action itu tidak dibenarkan dilakukan oleh pihak Perkhidmatan Awam setelah sesuatu anomali itu sedang dibincang maka pendapat saya, itu akan menyenangkan penyelesaian untuk tetapan.

Tuan Yang di-Pertua, bolehlah kita fikir bagaimana sesuatu penyelesaian yang aman boleh tercapai sekiranya sedang kita berbincang satu pihak yang sedang berbincang itu bercadang hendak melancarkan mogok ataupun work-to-rule dan sebagainya, sudah tentu ancaman untuk hendak melancarkan kegiatan-kegiatan seperti demikian akan menyulitkan pencapaian sesuatu keputusan yang baik bagi menyelesaikan sesuatu perkara. Sebaliknya kalau perundingan itu berlaku di dalam suasana yang aman dan damai, umpamanya, pihak Perkhidmatan Awam tidak ada hendak melancarkan apa-apa tindakan industrial dan pihak akhbar tidak ada menyebarkan cerita-cerita dengan penuh detail dan hebat, pihak-pihak tertentu tidak ada campurtangan, maka saya percaya penyelesaian akan lebih deras dapat dicapai, penyelesaian akan dapat di dalam suasana dan keadaan itu diputuskan dengan memberi faedah kepada kedua-dua pihak. Oleh sebab-sebab yang demikian, saya berpendapat Bil ini amat bijak dan kena pada tempatnya, dan saya berdiri di sini memberi sokongan penuh kepada Bil ini sebagai suatu Bil yang bertujuan hendak menyelesaikan anomali-anomali yang ada pada hari ini. Saya penuh yakin dan percaya sekiranya Bil ini, dan saya percaya Bil ini

akan diterima dan dilaksanakan, maka menerusi Bil ini banyak anomali-anomali yang pada hari ini tidak dapat diselesaikan, insya-Allah akan dapat diselesaikan oleh Tribunal ini. Maka dengan hal demikian bolehlah dikatakan bahawa Bil ini akan menolong anggota-anggota Perkhidmatan Awam.

Sungguhpun saya ada terbaca dan dengar bahawa ada rakan-rakan di Dewan ini telah pun mengatakan bahawa Bil ini tidak menolong anggota-anggota Perkhidmatan Awam, tetapi saya tidak dapat memahami bagaimana Bil ini boleh dianggap seperti demikian. Saya telah baca Bil ini daripada mula hingga akhir beberapa kali, dan tidak dapat tidak saya membuat keputusan bahawa Bil ini hanya dan cuma hendak menolong menyelesaikan anomali-anomali yang dewasa ini belum dapat diselesaikan. Cuma di dalam sistem yang akan ditubuhkan atau diwujudkan oleh Bil ini yang paling penting ialah Komposisi Tribunal ini, maka di situlah letaknya kekuatan sistem ini. Saya percaya pihak Kerajaan dengan kebijaksanaanannya akan melantik, akan mencari mereka yang cukup berkelayakan untuk menduduki Tribunal ini dan dengan mereka yang bijak dan cukup kelayakan untuk menduduki Tribunal ini, saya percaya dan saya yakin maka Bil ini akan dihargai oleh semua pihak di dalam masa ianya dapat dilaksanakan.

Maka dengan itu sekali lagi saya memberi sokongan penuh kepada Bil ini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah menubuhkan suatu Tribunal untuk menyelesaikan anomali-anomali yang masih belum dapat diatasi pada hari ini dan saya berdoa moga-moga dengan tertubuhnya Tribunal ini dan dengan adanya peruntukan-peruntukan di dalam Bil ini, maka insya-Allah segala anomali-anomali yang belum dapat diselesaikan akan dapat diselesaikan dengan penuh bijaksana dan memberi faedah kepada kedua-dua pihak, bukan sahaja kepada pihak Kerajaan tetapi juga kepada pihak Perkhidmatan Awam dan pihak rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengar tadi Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua telah memberitahu mengingatkan bahawa kita hendak habiskan perbincangan Rang Undang-undang ini pada hari ini juga. Jadi, saya bercadang hendak menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab perbincangan lebih kurang lewat-lewatnya kurang suku pukul 5.00. Saya nampak ada lagi 4—5 orang lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap, jadi tolong pendek-pendekkan teguran, jangan diulang-ulangkan apa yang sama telah dibangkitkan.

Dijemput Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

4.07 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya percaya Ahli-ahli Dewan ini telah mendengar penjelasan yang panjang lebar telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya percaya setiap orang yang merasa bertanggungjawab akan menyokong penuh tentang Tribunal yang dicadangkan ini dan saya rasa tidak ada seorang pun yang akan dapat menafikan dan meragukan samada cadangan mengadakan Tribunal ini akan menguntungkan pihak-pihak yang berkenaan atau tidak. Umpamanya, Fasal 15 di dalam Rang Undang-undang ini telah menyebut dengan terus-terang keputusan Tribunal mengenai sesuatu anomali yang dirojokkan kepadanya adalah terakhir dan muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh Kerajaan dan semua pihak kepada anomali itu bahawa sesuatu keputusan itu tidak boleh dicabar, dibuat rayuan terhadapnya, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Fasal 15 keputusan Tribunal itu hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera yang praktik, tetapi tidak lewat

daripada 6 bulan dari tarikh keputusan itu diberi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau sekiranya Kerajaan tidak jujur dalam masaalah ini, Kerajaan tidak mustahak hendak mencadangkan supaya Tribunal yang sebegini diberi kuasa penuh dan sepatutnya kuasa ini adalah ditangan Kerajaan sendiri tetapi kerana memandangkan masaalah ini adalah masaalah yang mustahak, masaalah yang akan menyentuh bukan sahaja segolongan rakyat tetapi seluruh rakyat dalam negara ini maka Kerajaan hendak menyelesaikan masaalah ini dengan seberapa segera dan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih teringat pada masa negara ini (Malaya) mencapai kemerdekaan dahulu, kita dipuji oleh negarane-negara di seluruh dunia dengan kerana perjalanan khususnya Perkhidmatan Awam kita, pentadbiran kita berjalan dengan licin, bukan sebagaimana setengah-setengah negara setelah mencapai kemerdekaan maka pentadbiran berjalan dengan kucar kacir sehingga merosakkan segala-galanya dan kadangkala menukar pemerintahan Kerajaan itu di dalam beberapa bulan atau beberapa tahun. Tetapi kita bersyukur ke hadhrat Allah s.w.t. selepas daripada lebih 20 tahun kita merdeka, negara kita berjalan dengan aman, tenteram dan licin dan kedudukan ketenteraman politik kita juga telah berjalan dengan stabil ataupun dengan tenang dan aman.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebabnya ialah kerana kita mempunyai suatu Perkhidmatan Awam yang baik dan yang terpuji. Tetapi pada masa akhir-akhir ini sebagaimana yang kita tahu telah berbangkit masalah tuntutan-tuntutan daripada pihak Perkhidmatan Awam yang saya rasa Kerajaan sendiri memang sangat menginsafinya. Saya rasa tidak ada siapa pun di tanahair kita ini yang tidak mengakui akan khidmat yang diberikan oleh pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam kita, tetapi walau bagaimanapun sebagai sebuah Kerajaan dan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri telah menerangkan tanggungjawab Kerajaan bukan sahaja kepada satu golongan tetapi kepada seluruh golongan rakyat negara ini dan tanggungjawab Kerajaan hendak melihat adanya ketenteraman politik, kestabilan politik, kerana kalau sebuah negara tidak ada kestabilan politik, kalau berlaku kacau bilau, pertikaian daripada satu masa ke satu masa, maka tidak ada siapa pun yang akan untung. Jadi tanggungjawab Kerajaan, pertama sekali ialah melihat adanya kestabilan politik dalam negara kita. Kita beruntung dan berjaya setakat ini kerana Kerajaan kita dengan kebijaksanaannya telah dapat mengadakan kestabilan politik. Jadi dengan sebab itu jika ada satu-satu pihak membuat tuntutan-tuntutan yang sematamata hendak menguntungkan demi kepentingan pihak itu sematamata dengan tidak memikirkan kepentingan masyarakat yang lebih besar, kepentingan rakyat keseluruhannya dan yang akan menyentuh kestabilan politik, maka saya rasa pemimpin-pemimpin pihak yang berkenaan itu patut berfikir panjang. Tidak ada gunanya kita mendapat tuntutan kalau sekiranya Kerajaan akan menjadi kucar kacir, kalau tidak ada kestabilan politik dalam negara kita, kacau bilau dalam negara kita. Apakah faedahnya yang kita boleh dapat daripada tuntutan itu? Jaid yang mustahaknya ialah tiap-tiap seorang mesti memikirkan kestabilan politik. Saya rasa inilah yang difikirkan oleh pihak Kerajaan. Dan inilah sebabnya Undang-undang Tribunal ini dipersetujui oleh Kerajaan, walaupun kuasa itu ada di dalam tangan Kerajaan, tetapi diserahkan kepada satu badan Tribunal yang Kerajaan sendiri tidak akan mengambil, tidak akan membuat apa pun yang menyentuh atau mengganggu ketenteraman perjalanan Tribunal ini.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja kita di dalam sedikit masa ini, nampaknya seolah-olah telah menggunakan beberapa masaalah untuk membolehkan mereka mengancam Kerajaan, hendak mengadakan mogok, work-to-rule dan sebagainya. Saya minta supaya mereka berfikir panjang, adakah kepentingan yang

mereka perjuangkan itu semata-mata kerana kepentingan ahli-ahli kesatuannya atau adakah kerana kepentingan negara? Kerana kesatuan sekerja adalah bertanggungjawab di atas ketenteraman negara. Tetapi entahlah kalau sekiranya ada di antara pemimpin kesatuan sekerja itu yang berkepentingan politik. Saya rasa ada, atau sengaja hendak menggunakan kesatuan sekerja demi kepentingan politik mereka. Kalau begitulah maksud mereka, jangan gunakan kesatuan sekerja, jangan aniaya ahli-ahli kesatuan sekerja, tetapi masuklah di dalam parti politik berjuang di dalam parti politik.

Perbuatan-perbuatan sebagaimana yang dilakukan, mengancam mogok dan sebagainya sama sekali tidak menguntungkan kita, tidak menguntungkan Kerajaan, tidak menguntungkan rakyat, tidak menguntungkan ahli-ahli kesatuan sekerja dan lain-lain. Imej kita rosak, pentadbiran kita kalau sekiranya pihak Perkhidmatan Awam menjalankan work-to-rule dan sebagainya. Pentadbiran kita akan menjadi lemah, akan jadi rosak, bukan sahaja kerja-kerja terganggu tetapi seluruh negara akan menjadi rosak, akan menjadi lemah, pentadbiran kita lemah dan begitu juga memberi gambaran buruk kepada negara-negara lain sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang hanya memberi gambaran buruk pada masa ini semasa kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan tersebut bukan untuk Kerajaan, bukan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Jemaah Menteri tetapi untuk rakyat keseluruhannya, tetapi kalau sekiranya Rancangan Malaysia Ketiga tak dapat berjalan dengan baik kerana kita tak dapat bantuan luar, salah satu hajat dan hasrat kita hendakkan penanaman modal yang berpuluh billion ringgit daripada negara luar. Kalau mereka itu tidak mahu menanam modal dalam negeri ini kerana takut dan bimbang dengan perbuatan kita sendiri, menunjukkan tidak ada ketenteraman politik dalam negara kita, bukan orang luar yang rugi, bukan Kerajaan sahaja yang rugi, seluruh rakyat rugi termasuk kaum pekerja dan juga

pegawai Perkhidmatan Awam dan sebagainya.

Juga kalau saya sebut di sini boleh jadi ada pihak-pihak yang sengaja hendak menanggung di air keruh di dalam keadaan negara kita sebegini, dalam kita menghadapi ancaman dari dalam dan luar negeri, kalau saya katakan boleh jadi orang-orang ini telah terpengaruh dihasut oleh pihak anti nasional dan kominis dan dituduh pula kita kominis-phobia dan sebagainya, tetapi kita tak dapat menafikan anasir-anasir ini akan menggunakan apa juga peluang yang boleh digunakan dan bukannya tidak mungkin di dalam kesatuan sekerja sendiri sebagaimana di dalam parti-parti dan sebagainya. Jadi tidaklah sepatutnya pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja itu berfikir panjang dan kerana saya dengar daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat bercakap di luar Dewan ini, mereka mengatakan: "Oh! kesatuan sekerja takkan terima Bil ini, kerana Bil ini kononnya dibawa dengan tidak dibincangkan atau dibahaskan dengan pemimpin-pemimpin atau kesatuan sekerja." Boleh jadi perkara ini telah dibuat oleh pihak Kerajaan dan dibuat boleh jadi dengan sebab-sebab tertentu, kerana perundingan telah dibuat beberapa kali boleh jadi ada sebab Kerajaan berbuat begitu dengan tidak membincangkan dengan pihak kesatuan sekerja, tetapi soalnya bukan itu sepatutnya menjadi sebab tidak mahu menyokong Bil ini. Bil ini sangat berguna kepada kesatuan sekerja. Saya rasa tidak ada satu benda yang patut ditegur daripada Bil ini kecuali perkara-perkara kecil yang boleh dibetulkan di dalam masa pelaksanaan. Tetapi soalnya Bil inilah yang akan menolong kesatuan-kesatuan sekerja, ahli-ahli Perkhidmatan Awam dan Kerajaan serta Negara sendiri.

Saya tidak akan bercakap panjang, Tuan Yang di-Pertua, cuma saya minta (appeal) kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang merasa bertanggungjawab di atas perjalanan kestabilan politik dan ketenteraman politik dalam negara ini yang mengatakan

bahawa mereka juga bertanggungjawab supaya memberi sokongan dan manakala Tribunal telah berjalan saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah melangkah ke dalam satu lagi langkah yang akan membawa masa depan negara kita lebih cerah lagi dari masa yang lepas. Saya percaya tidak banyak negara-negara di dunia ini yang sanggup melakukan sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan kita mengadakan satu Tribunal yang dicadangkan yang memberi kuasa penuh yang Kerajaan sendiri pun tidak boleh menyentuh keputusan-keputusan yang dibuat oleh Tribunal itu. Ini patut difikirkan oleh pihak kesatuan-kesatuan sekerja kalau mereka betul-betul mengatakan mereka bertanggungjawab, bukan sahaja kepada kesatuan-kesatuan sekerja, tetapi kepada kestabilan politik dan ketenteraman rakyat dalam Malaysia ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

4.22 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menyertai perbincangan mengenai Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 yang ada di hadapan kita hari ini. Sebelum saya menyatakan sokongan saya kepada Akta ini sukacitalah saya mengemukakan beberapa pendapat dan pandangan untuk renungan kita bersama demi untuk mencapai satu keadaan yang harmoni di antara Kerajaan dan para pengkhidmat kepada negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa tujuan pokok Akta ini ialah untuk mengujudkan satu badan bebas bagi menyasat dan menyelesaikan anomali-anomali yang mungkin terdapat mengenai saraan dan syarat-syarat perkhidmatan berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Ini adalah menjadi lumrah alam dan tabiat manusia bahawa ianya sentiasa tidak berpuas hati dengan apa yang ada atau dengan apa yang orang lain laku dan hasilkan.

Demikianlah halnya dengan Suruhanjaya-suruhanjaya Gaji baik di mana-mana pun di dunia ini. Tetapi apa yang perlu dihitungkan dalam keadaan begini ialah tentang bagaimana kata sepakat dapat dicapai oleh kedua-dua pihak yang bersengketa terutamanya dalam soal-soal pelaksanaan gaji atau upah di antara pihak majikan dan pekerja dengan mengambil perkiraan dan faham tentang situasi negara dan implikasi kewangan yang akan terlibat hasil daripada ketidak-puas hati atau kepincangan dalam pelaksanaan upah atau gaji itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya soal gaji, saraan, syarat-syarat perkhidmatan dan lain-lain telahpun mempunyai anomali sejak ianya terlaksana daripada sejarah ujudnya sistem gaji di negara ini sendiri. Ini bererti anomali ini telah timbul dan akhirnya hasil daripada pelaksanaan Suruhanjaya Gaji Aziz, Suffian, Harun untuk menyelaraskan satu sistem gaji zaman penjajahan seperti Benham atau lain-lain yang terdahulu. Ini bererti bahawa kepincangan-kepincangan di dalam sistem gaji telah ada dengan banyaknya dalam sejarah negara ini. Soalnya apakah kepincangan-kepincangan itu dapat diselesaikan dengan mengujudkan sebuah Suruhanjaya Gaji Kabinet sahaja sedangkan negara Malaysia ini akan berkembang seterusnya. Apa yang hendak saya kemukakan di sini ialah tentang satu perkara besar iaitu perbezaannya antara pekerja-pekerja Kerajaan dengan pekerja-pekerja bukan Kerajaan. Adalah menjadi satu hal yang ganjil kalau kita mensifatkan sebuah Kerajaan itu sebagai majikan, mengikut takrif majikan dalam bidang bukan Kerajaan, syarikat berhad ataupun satu company, di mana gajinya kebanyakan dibayar mengikut hasil produksi atau pengeluaran keuntungan yang berlipat ganda. Kita adalah Kerajaan, rakyat juga adalah Kerajaan dan pada pendapat saya pegawai-pegawai Kerajaan atau pekerja Kerajaan secara collective adalah juga Kerajaan. Di sinilah letak pengertian yang adil tentang hak-hak dan sempadan-sempadan

akan tuntutan kita mengenai sesuatu sekim gaji atau syarat-syarat perkhidmatan. Hendaknya golongan yang bekerja dengan Kerajaan menganggap bahawa mereka itu juga sama-sama bertanggungjawab di dalam pertikaian gaji seperti yang kita hadapi sekarang ini.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang penubuhan Badan Bebas atau Tribunal ini. Apakah pula Badan Bebas ini dapat benar-benar menyelesaikan secara muktamad akan pertikaian gaji di masa akan datang kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa anomali-anomali adalah terlampau banyak lahir daripada pelaksanaan-peraksanaan Suruhanjaya Gaji yang berbagai-bagai di Malaysia ini. Misalnya, sekarang terdapat kira-kira 500 buah memorandum yang dihantar oleh berbagai-bagai kesatuan sekerja dan lain-lain mengenai anomali hasil daripada Suruhanjaya Gaji Kabinet itu sahaja dan tentulah pula hal ini akan bertambah dari masa ke semasa bila negara ini berkembang dan maju.

Yang ketiga ialah sebelum sebarang penyelesaian pertikaian itu dapat dirujuk kepada Badan Bebas ini ianya terpaksa terlebih dahulu berhadapan dengan pihak Kerajaan. Ini bererti bahawa pegawai-pegawai yang tidak memasuki mana-mana kesatuan sekerja atau lain-lain yang bertugas jauh dipendalaman tanah air akan menghadapi masalah juga untuk secara perseorangan bagi menghadapi pihak P.S.D. atau J.P.A. atau lain-lain kerana berjauhan. Sudah tentu sesuatu tuntutan itu akan memakan masa yang lama menghadapi soal pentadbiran terlebih dahulu sebelum ianya dapat disampaikan kepada Badan ini. Kita khawatir bahawa perasaan tidak puas hati selama-lamanya tidak akan dapat dihapuskan buat selamanya dan apakala ini berlaku maka akan terjejas jugalah pentadbiran-pentadbiran Kerajaan ke seluruh negara.

Yang keempatnya, apakah pula pihak Kerajaan boleh menjamin akan keadilan yang sebenar yang bakal dilakukan oleh Badan

Bebas itu daripada pengaruh-pengaruh yang ada pada anggota-anggota Badan itu sendiri atau sentimen-sentimen mereka tatkala menghadapi masaalah penyelesaian dan apakah pula pihak-pihak Kerajaan dapat mempengaruhi Badan Bebas itu. Kita berdoa kepada Tuhan mudah-mudahan hal yang sedemikian rupa tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyeru kepada kedua-dua pihak agar bersama-sama berfikir dengan panjang dan teliti atas soal-soal negara yang lebih besar daripada yang kita bincangkan ini iaitu implikasi kepada kewangan negara yang begitu daif, kedudukan keselamatan negara, kemelesatan ekonomi dunia dan berbagai-bagai masaalah yang berdepan dengan pembangunan negara itu sendiri. Kalaulah ini tidak menjadi hitungan kita maka selama itulah soal gaji, syarat-syarat perkhidmatan tidak akan selesai dibincangkan selama-lamanya. Kita berharap bahawa pihak Kerajaan janganlah pula menganggap bahawa pekerja-pekerjanya itu ialah buruh kasar yang boleh diperkotak-katikkan tanpa memikirkan kepentingan peribadi mereka sebagai manusia yang perlu hidup untuk menampung jenerasi yang akan datang. Kemajuan dan kemunduran negara kita adalah terletak di atas bahu perkhidmatan awam kita ini. Sebab selama ini merekalah orang-orang yang perlu diberi kepujian kerana menadbirkan negara dan melaksanakan sebarang polisi yang dibuat oleh kita di dalam Dewan yang mulia ini. Perkhidmatan awam kita setahu saya ialah yang terbaik di Tenggara Asia. Hal inilah yang perlu pula difikirkan oleh kita bersama semoga kata sepakat dan harmoni dalam hubungan kedua-dua pihak sentiasa ujud dengan aman dan tenteram.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

4.20 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang

ini. Pertama sekali inginlah saya menyarankan pendapat saya iaitu tidak bersetuju sama sekali dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kepong semalam yang menuduh Kerajaan mengadakan Rang Undang-undang ini sebagai satu bentuk kuku besi terhadap anggota-anggota Perkhidmatan Awam, dan kononnya beliau kata itulah sebabnya Rang Undang-undang ini dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini kerana Kerajaan takut dengan Perkhidmatan Awam. Tuan Yang di-Pertua, tuduhan seperti itu, saya rasa amatlah tidak adil dan amatlah mengelirukan kerana kalau dikaji sedalam-dalamnya Rang Undang-undang yang dikemukakan di dalam Dewan pada hari ini kita nampak bahawasanya pihak Kerajaan kita adalah menjalankan satu usaha untuk mengubahsuaikan jentera pentadbiran Kerajaan mengikut zaman yang ada.

Dengan adanya Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam ini dapat kita mempercepatkan segala anomali-anomali yang berlaku dan juga dapat kita menggantikan atau memansuhkan Rang Undang-undang ataupun apa yang dikatakan "Whitley Council" yang kita ambil daripada zaman penjajah dahulu. Jadi nampaknya Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah berbentuk seperti sediakan payung sebelum hujan, kerana memandangkan himah Kerajaan kita menitikberatkan masalah-masalah yang dihadapi oleh anggota Perkhidmatan Awam di dalam negara kita, seperti kata pepatah Melayu: Berapa berat mata memandang berat lagi bahu memikul.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara sahaja yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu sejauh manakah Kerajaan dapat memberi jaminan pelaksanaan dikehendaki seperti tersebut dalam Fasal 15 iaitu masalah pelaksanaan.

"15. (2) Keputusan Tribunal itu hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera yang praktik, tetapi tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh keputusan itu diberi."

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diragukan oleh Perkhidmatan Awam bukannya masalah dasar yang diluluskan oleh Kerajaan, tetapi masalah pelaksanaan dan keputusan supaya ia boleh memberi faedah kepada orang-orang yang terlibat. Misalnya, kita tahu mengikut pengalaman beberapa kajian Suruhanjaya Gaji diumumkan, setahun dua tahun kemudian ada di antara orang-orang yang terlibat yang sepatutnya menerima nikmat itu tidak dapat menerima. Saya rasa inilah sahaja yang menjadi keraguan, perkara-perkara lain anggota-anggota Perkhidmatan Awam dalam negara ini memang ternama dan telah dikenal di atas kesetiaan mereka terhadap negara dan saya percaya inilah rungutan-rungutan yang kita dengar. Jadi saya berharap sangatlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini dapat menegaskan masalah jaminan Kerajaan dalam pelaksanaan supaya boleh meyakinkan, maklumlah ini satu perkara yang baru dan menjadi satu Rang Undang-undang tentulah banyak masalah. Sesiapa yang belum memahami akan menuduh Kerajaan kita hendak mencari jalan keluar menggunakan Rang Undang-undang ini, tetapi tidak mengetahui hasrat dan tujuan baik Kerajaan yang sebenarnya. Jadi dalam perkara ini saya berharap masalah implimentasi itu kelak kalau dapat dilaksanakan dan membuktikan.

Rang Undang-undang ini, saya percaya akan diberi sokongan penuh oleh semua para anggota pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.36 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Tribunal ini akan ditubuhkan mengikut peruntukan yang dinyatakan di dalam Lapuran Gaji Kabinet yang asal. Ia bertujuan mengadakan jalan bagi merujuk semua anomali gaji untuk diputuskan. Semua orang bersetuju bahawa sesuatu

pertikaian itu tidaklah seharusnya dipanjangkan oleh kerana setengah-setengah kes cinta pun tidak berlanjutan selama-lamanya. Kerajaan tidak mampu melibatkan dirinya dalam pertikaian yang berlanjutan mengenai issue-issue gaji dengan kakitangannya yang mungkin menjejaskan kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita sedang membincangkan satu issue yang berkait dengan Kesatuan Sekerja kita tidaklah dapat lari daripada sejarah dan prinsip-prinsip gerakan Kesatuan Sekerja. Trade Union mula-mulanya ditubuhkan lebih daripada 100 tahun dahulu oleh pekerja-pekerja untuk menentang penindasan dan persecution pekerja-pekerja oleh majikan. Pergerakan Trade Union yang asal diwujudkan pada mulanya untuk menjaga diri bagi golongan orang yang tidak bernasib baik yang ditekan oleh capitalism dan landlordism. Tetapi banyak telah berubah bagi tahun-tahun yang lepas, apa yang diamalkan pada masa yang lalu tidak boleh dipakai lagi sekarang. Pernah dikatakan bahawa pada masa yang lepas orang-orang terpaksa menjalani satu istiadat untuk menjadi ahli mana-mana Kesatuan Sekerja tetapi keadaan telah berlainan sekarang, dan keadaan penekanan tidak lagi wujud. Trade union mesti sedar bahawa ianya ialah sebahagian daripada masyarakat, mereka tidak boleh wujud dalam satu keadaan yang terasing. Adalah menjadi tanggungjawab gerakan Kesatuan Sekerja untuk menolong mewujudkan suatu suasana ekonomi untuk mengeluarkan kekayaan yang mereka sama-sama menikmati dan bukanlah cuma mendapat susu dari seekor lembu tanpa memberinya makanan. Gerakan Trade Union mesti mewujudkan kematangan dan tanggungjawab dengan tidak membawa kemusnahan kepada perdagangan dan ekonomi negara. Saya tahu sebagai satu hakikat bahawa ada masanya Trade Union sendiri terpaksa mengabaikan prinsip-prinsip demi kepentingan negara. Semasa peperangan Trade Union di Britain melepaskan hak mereka untuk mengambil tindakan perusahaan demi untuk menghadapi

musuh bersama-sama. Malaysia sebagai sebuah negara membangun sedang berperang bukan sahaja dengan anasir dan anti-nasional tetapi juga dengan kemiskinan, penyalahgunaan dadah, buta huruf dan lain-lain. Kerajaan juga mempunyai tugas yang penting untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan bersatu-padu. Adalah menjadi kewajipan setiap rakyat untuk menolong mencapai matlamat yang mulia itu.

Sepintas lalu saya suka menyatakan bahawa sistem Kerajaan yang kita amalkan sekarang bukanlah replica tetap (exact replica) sistem yang dijalankan di Britain. Saya rasa ragu-ragu samada Trade Unionism di negara kita dapat diamalkan dengan liberal dan idealistic seperti di negara Barat. Saya harap Trade Unions akan mendapat kepuasan hati menerusi perbincangan atau menerusi Tribunal ini supaya kita semua dapat menumpukan segala usaha dan tenaga kita untuk pembangunan negara.

4.41 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil kesempatan berdiri di dalam Dewan yang mulia ini untuk memberikan sokongan penuh saya terhadap Bil yang Dewan ini sedang bahaskan.

Saya memberikan sokongan kepada Bil ini di atas beberapa perkara tetapi memadailah jikalau saya sebutkan dua perkara sahaja di antaranya yang saya rasa patut benar diketahui oleh umum. Pertama, pembentukan Tribunal ini adalah berasaskan kepada amalan prinsip demokrasi yang memang telah biasa diamalkan oleh mana-mana juga negara demokrasi di dalam menyelesaikan masalah seperti ini. Kedua pula pada pendapat saya struktur dan bidangkuasa yang diberikan kepada Tribunal ini pula adalah sesuai dan bertepatan dengan prinsip undang-undang iaitu sebuah badan yang mempunyai fungsi Quasi-Judicial ini mempunyai bidangkuasa

yang sangat hampir dengan Mahkamah Keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan melahirkan Tribunal ini tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menyelesaikan anomali yang ada. Jadi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan, apakah satu cara yang patut Kerajaan ikuti, apakah tindakan yang wajar yang patut Kerajaan lakukan supaya ianya tidak merupakan satu tindakan unilateral daripada pihak Kerajaan. Saya berpendapat daripada segi approach kepada masalah ini saya rasa approach ini adalah sangat rational, matang dan wajar iaitu dengan mengadakan Tribunal. Daripada segi pelaksanaan ini pula saya rasa kuasa-kuasa ataupun bidangkuasa yang ada pada Tribunal ini adalah juga bertepatan dengan prinsip undang-undang. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana juga pihak yang patuh kepada prinsip the Rule of Law, mana-mana juga pihak yang menghormati akan prinsip dan amalan demokrasi sepatutnya menyokong sepenuhnya kepada undang-undang yang akan dilahirkan oleh Parlimen yang bersidang pada hari ini.

Jadi seperti yang saya katakan tadi oleh kerana Tribunal ini dan cara kita mengadakan Tribunal ini tidak tergelincir daripada rangka Perlembagaan Persekutuan, maka tidak ada sebab-sebab adanya pihak-pihak yang bersungut, yang memupuk perasaan tidak puas hati kepada Kerajaan dan mengatakan bahawa perkara ini repressive dan sebagainya. Jikalau masih ada juga dan saya tidak memahami mengapa ada, jikalau ada juga samada daripada pihak Pembangkang ataupun daripada pihak Trade Union, jadi saya rasa tujuan mereka itu haruslah kita ragu-ragukan. Jikalau datang daripada pihak Pembangkang maka tujuan ini sudah tentu kurang sihat dan jika datangnya daripada pemimpin Kesatuan Sekerja maka sudah tentu pula mereka ini mempunyai reka bentuk politiknya sendiri yang menunggu masa untuk menekan. Jika ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa pemimpin Kesatuan Sekerja ini telah tergelincir daripada tujuan asalnya dan telah

tidak menunaikan tanggungjawabnya kepada ahli-ahli Kesatuan Sekerja. Oleh yang demikian, saya rasa adalah wajar pihak Kerajaan mengambil suatu tindakan yang serius terhadap mereka ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sokongan yang saya berikan saya juga suka memberikan sedikit pandangan yang saya anggap boleh memperkemas perjalanan Tribunal ini. Cadangan ini saya buat di atas dua pertimbangan iaitu pertama, di atas kehendak Parlimen sendiri. Tujuan Parlimen ialah supaya Tribunal ini berjalan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak jua pun. Kedua, fungsi Tribunal ini adalah fungsi Quasi-Judicial.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Cadangan saya yang pertama ialah Pengerusi seperti yang dicadangkan oleh rakan-rakan saya semalam, Pengerusi Tribunal ini hendaklah terdiri daripada seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan juga ahli-ahli Penalnya tidak mengira berapa orang, mereka itu hendaklah terdiri daripada mereka yang betul-betul dihormati oleh masyarakat, mereka yang mempunyai personality yang tidak controversial. Ini perlu oleh kerana kita mahu memastikan bahawa Tribunal ini tidak mempunyai pengaruh yang tidak sihat. Jikalau boleh ahli-ahli Penal itu hendaklah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai sebarang sentimen politik dengan tidak terdiri daripada mereka yang telah pernah berkhidmat dengan Kerajaan.

Cadangan yang kedua saya menyeru dan saya agak perkara ini tentulah dilaksanakan oleh Tribunal ini menerusi Tribunal ini bahawa acara Tribunal itu hendaklah dibuat se-hampir-hampir dengan acara mahkamah sendiri kerana seperti saya katakan fungsi itu adalah fungsi Quasi-Judicial. Ini juga penting oleh kerana jika kita tidak berbuat demikian mungkin ada kemudian hari kelak, tidak pada

hari ini, banyak pihak-pihak yang mengatakan bahawa nasib hadapan mereka itu telah ditentukan oleh dua tiga orang sahaja yang tidak mengikuti peraturan yang sempurna kerana perkara seperti ini pernah disungutkan oleh negara-negara lain yang mengamalkan sistem Tribunal ini.

Yang ketiga di mana sesuai dan saya tegas-kan di mana sesuai perbicaraan patutlah dibuat dengan cara terbuka. Kemudian yang akhir sekali saya rasa keputusan Tribunal itu patutlah ditulis dengan lengkap dengan sebab-sebabnya sekali dan jika dipohonkan oleh mana-mana pihak maka salinannya hendaklah diberikan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara ini telahpun dipertimbangkan oleh Kerajaan dan Kerajaan tentulah memandang lebih jauh daripada ini tetapi mungkin kadang-kadang ada yang kita agak satu perkara yang kecil yang kita terlupa dengan tidak sengaja tetapi sebenarnya cadangan-cadangan ini adalah merupakan suatu amalan yang telah biasa dibuat oleh Tribunal-tribunal lain di dalam negara-negara lain.

Jadi pada akhirnya, saya sekali lagi memberikan sepenuh sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan saya percaya Rang Undang-undang ini akan membawa satu rahmat bukan sahaja kepada pegawai-pegawai Kerajaan tetapi juga kepada pihak-pihak lain yang berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

4.50 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan di Dewan ini berkenaan dengan Rang Undang-undang yang di hadapan kita ini, banyak Ahli-ahli telah bercakap dan memberikan pandangan-pandangan mereka. Pandangan-pandangan itu

adalah berisi serta bernas, sungguhpun kadang-kala pandangan-pandangan itu barangkali tidak dapat bagi pihak Kerajaan menerimanya dengan sebab-sebab yang tertentu.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran mereka ke atas Rang Undang-undang ini. Saya tentulah tidak ada masa dan barangkali tidak mustahak bagi saya hendak menjawab satu-persatu. Benarkanlah saya memberi pandangan atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang difikirkan mustahak dan saya akan cuba memberi pandangan serta sebab-sebabnya peruntukan ataupun bekalan-bekalan di dalam Rang Undang-undang ini dibuat demikian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, termasuk juga parti-parti Pembangkang. Rasa saya pada dasarnya dan pada prinsipnya tidak ada bantahan pada Rang Undang-undang ini. Kalau ada pun ialah perkara-perkara dan butir-butir yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya suka memulakan pandangan saya ini dengan perkataan rakan saya iaitu Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat bila menyokong cadangan saya ini. Yang Berhormat Menteri itu telah berkata iaitu tujuan Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini ialah tidak lain dan tidak bukan semata-mata hendak memelihara kepentingan-kepentingan negara. Memelihara kepentingan-kepentingan negara kita, memelihara juga pekerja-pekerja dan kakitangan-kakitangan di dalam perkhidmatan awam.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong sungguhpun pandangan-pandangan dan pemilihan kata-katanya agak keras sedikit, rasa saya ianya tidak bermaksud demikian. Itu semata-mata ialah sebagai taktik di dalam Dewan ini, mengemukakan perkataan-perkataan yang keras, yang rasa saya beliau

tidak berhajat atau berniat demikian. Ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan iaitu Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini kerana hendak menekan pekerja-pekerja, atau hendak memaksa pekerja-pekerja supaya tunduk kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jauh sekali daripada niat dan hasrat Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini dan kandungannya tidak membuktikan demikian. Sebaliknya, kandungan Rang Undang-undang ini ialah bertujuan supaya kita berikhtiar dan mencari jalan, umpamanya, bagaimana hendak menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi bertahun-tahun ini dengan tidak ada penyelesaian akan menjadikan pertikaian di antara pihak kakitangan Kerajaan dengan Kerajaan atas masalah syarat-syarat dalam Perkhidmatan Awam.

Saya telah menerangkan semalam iaitu jentera yang kita telah gunakan ada baiknya, ada kejayaannya. Tetapi jentera yang ada sekarang yang telah digunakan ada kelemahan-kelemahannya. Dan ini dibuktikan oleh kerana kelemahan-kelemahan itu kita tidak dapat menyelesaikan dengan muktamad berkenaan dengan masalah-masalah anomali ini. Sebab itulah diikhtiarkan supaya diadakan dan ditubuhkan Tribunal Perkhidmatan Awam ini untuk menyiasat dan mengkaji anomali-anomali dan memberi keputusan sebagaimana yang dibekalkan di dalam Rang Undang-undang ini iaitu keputusan Tribunal itu adalah mengikat kedua-dua pihak — pekerja dan juga Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyatakan iaitu Kerajaan hendak menyelesaikan masalah-masalah yang ada ini dengan menggunakan sledge hammer yang amat besar untuk mengetuk lalat yang kecil ataupun untuk menyelesaikan masalah ini.

Dengan hormat saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu bahawa masalah yang kita hadapi bukanlah kecil semacam lalat. Masalah yang dihadapi adalah amat

besar. Anomali-anomali ini telah berlaku dan telah berjalan bertahun-tahun. Dan berkaitan dari satu perakuan Suruhanjaya kepada Suruhanjaya yang lain. Ini akan timpamenimpa dari satu Suruhanjaya kepada satu Suruhanjaya. Ini bukanlah lalat dan rasa saya tidaklah bermakna bahawa kita hendak mengatasi dengan menggunakan sledge hammer. Tetapi kita hendaklah tegas sedikit. Kita tidak menggunakan tukul besi tetapi hanya tukul kayu bagi mengatasi masalah ini. Dan tukul ini adalah disalut dengan baldi supaya tidak sakit sangat ketika menggunakannya. Dan inilah yang dicadangkan supaya diadakan Tribunal ini dengan diberi kuasa yang penuh untuk mengkaji dan menyemak masalah-masalah dan memberi keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang telah dibangkitkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berkenaan samada Pengerusi Tribunal ataupun ahli-ahli Penal patut terdiri daripada hakim-hakim ataupun pegawai perkhidmatan kehakiman dan sebagainya dan ada yang menyatakan Pengerusi ini patutlah seorang Hakim dari Mahkamah Tinggi.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat membaca peruntukan di dalam Bil ini dia tidak menyebut dan menetapkan sesiapa juga. Jadi ada flexibility. Kita tidak menetapkan dan ini tidak bermakna kita senang mendapat seorang hakim yang akan bekerja tidak tahu berapa lama untuk mengatasi masalah ini, ataupun mahukan hakim sahaja dan tidak orang lain yang rendah sedikit daripada hakim tetapi ada cukup pengalaman dalam masalah ini.

Begitu juga Ahli-ahli Penal itu tidak semestinya daripada orang-orang yang mempunyai pengalaman dari segi undang-undang. Sebab rasa saya kebanyakan masalah-masalah yang akan dihadapi ialah masalah-masalah perkhidmatan. Masalah-masalah perkhidmatan yang dikaitkan dengan tata-tertib, aturcara, peraturan Kerajaan, bukan undang-undang — tanggagaji golongan ini, golongan itu dan sebagainya, bukan undang-undang.

Jadi, pengalaman orang semacam ini yang lebih berguna di dalam Tribunal ini daripada Hakim yang fasih misalnya di dalam equity atau land law ataupun company law. Bukanlah pengalaman-pengalaman semacam itu yang dikehendaki di dalam Tribunal semacam ini. Apa yang dikehendaki ialah orang yang ada pengalaman di dalam perkhidmatan (administration) dan selok-belok yang pelbagai dan kompleks berkenaan dengan gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku sendiri iaitu semasa saya bertanggungjawab di Kementerian Pelajaran, saya sendiripun tidak faham dengan boleh dikatakan 75% daripada hujah-hujah, pendapat-pendapat dan penerangan-penerangan yang diberi oleh rombongan-rombongan yang berjumpa saya berkenaan dengan tanggagaji. Tetapi ahli-ahli rombongan itu fasih macam sifir daripada 1 sampai 12 — hafal. Saya tidak hafal semacam itu dan berkehendakkan bantuan, pertolongan dan penerangan daripada pegawai-pegawai yang mengetahuinya. Begitu juga ahli-ahli Tribunal ini. Benda yang akan dibangkitkan ialah "salary scale", syarat-syarat itu, syarat-syarat ini dan bermacam-macam. Kalau kebanyakan ahli-ahli penal itu hanya pakar dalam segi undang-undang tanah, undang-undang company dan partnership saya rasa mereka pun lebih bingung lagi. Jadi, itulah sebabnya benda ini dibuat flexible, dan ini tidak bermakna orang ini tidak boleh diangkat, mereka boleh dilantik kalau ada kelayakan yang difikirkan sesuai menjadi ahli penal ini ataupun menjadi Pengerusi penal ini.

Satu lagi perkara yang telah dibangkitkan ialah oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang mensifatkan Fasal 18 itu sebagai highly 'obnoxious'. Ini saya rasa tidak tepat, kalau kita tengok dan kaji maksud Fasal 18 itu tidaklah highly obnoxious sebagaimana yang dituduh dan yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tujuan Fasal 18 (1) itu ialah bila satu-satu anomali itu telah dikemukakan dan telah dipertimbangkan, maka diharamkan 'strike' atau perbuatan yang ter-

tentu sebagaimana yang tercatat di dalam Fasal 18 (1) itu. Tujuannya ialah supaya perkara-perkara dan masalah-masalah ini dapat ditimbangkan dalam suasana yang tenang oleh Tribunal ini dan tidak dengan kelam-kabut bagi satu-satu pihak pekerja mengadakan ugutan 'strike', mengadakan 'picket' dan 'demonstration' bagi menyokong atau menguatkan tuntutan-tuntutan supaya benda itu sampai kepada ahli-ahli Tribunal itu ataupun mendapat simpati rakyat jelata atau public. Ini bukanlah caranya mendapat penyelesaian dengan menggunakan cara-cara semacam ini — membangkitkan emotion samada emotion itu memanas, mengapi-apikan, tetapi kita hendak mendapatkan penyelesaian dengan tenang diberi kepada Tribunal ini memikirkan dan kita hendaklah mengelakkan daripada berbangkitnya suasana yang tidak diingini. Itulah sebab-sebabnya diadakan dan dimasukkan peruntukan sebagaimana yang tercatat di dalam Fasal 18 (1) itu.

Dan begitu juga Fasal 18 (2) ini memang menjadi kebiasaan di dalam kesatuan-kesatuan sekerja walaupun tidak ada menepati dan kena-mengena dengan sesuatu pertubuhan sekerja yang lain tetapi oleh kerana perasaan persahabatan dan sokong-men yokong di antara satu dengan lain dia mengadakan 'sympathy strike' dan 'sympathy picket' yang tidak kena-mengena dengan pertubuhan atau kesatuan sekerja itu. Inilah semua yang hendak dielakkan. Kalau benda ini dibiarkan sebelum benda itu dapat ditimbang dan dikaji oleh Tribunal itu tentu keadaan suasana sudah menjadi kacau-bilau. Ini yang kita hendak elakkan. Ini sama sekali kita tidak dapat menerima. Dalam keadaan semacam itu, bila masa masalah anomali itu dapat dikaji dan dipertimbangkan oleh Tribunal? Tujuannya tidak sekali-kali hendak menyekat hak kebebasan. Kita hendak mendapatkan penyelesaian tidak dengan menggunakan ugutan. Kerajaan tidak berkehendakkan dan tidak bertujuan dan tidak berniat hendak mengugat, hendak menggunakan kuku besi atau memaksakan pandangan dan pendapat kepada pekerja-pekerja-

nya. Sebab itu kita angkat orang yang kita fikir orang tengah ini dapat memutuskannya dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, ada dibangkitkan mengapa Rang Undang-undang ini tidak dirundingkan dengan kesatuan-kesatuan sekerja terlebih dahulu. Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman saya kalaulah benda ini sebelum dikemukakan di sini hendak dirundingkan dengan kesatuan-kesatuan sekerja sampai dunia kiamat pun Rang Undang-undang ini tidak akan dikemukakan. Sebelum dapat Dewan Rakyat ini mempersetujui sudah bertengkar dahulu dengan kesatuan-kesatuan sekerja macam mana rupa, corak, bentuk dan warna Bil itu patut disampaikan. Sungguhpun kita mengamalkan cuba berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan, tetapi hendaklah diingat Dewan seperti inilah yang membuat undang-undang, bukan golongan lain yang membuat undang-undang.

Kerajaan boleh berunding tetapi tidak semestinya perkara-perkara yang tertentu yang difikirkan akan lebih mengusutkan mesti dirundingkan terlebih dahulu, dan mendapat rahmat dan rahim serta doa restu daripada kumpulan itu sebelum dibawa Rang Undang-undang itu di sini. Ini prinsip besar dan kita tidak dapat terima tuntutan-tuntutan semacam itu didatangkan keatas pihak Kerajaan. Sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan tidak pernah kesatuan-kesatuan menalipon saya dulu serta berunding sebelum mengambil tindakan. Selalunya saya dapat notis strike dahulu atau industrial action baharu dia datang beritahu saya. Jadi, perundingan ini nampak berat sebelah selalunya. Kalau ada niat betul-betul hendak berunding sebelum melakukan sesuatu perbuatan dan membangkitkan sesuatu masalah, moleknnya berundinglah dahulu. Itu adil. Tetapi selaluuntutannya ialah pihak Kerajaan mesti buat ini, mesti buat itu tetapi pihak kesatuan sekerja bebas boleh buat apa dia suka dan tidak perlu dia beritahu Kerajaan dan berunding dengan Kerajaan terlebih dahulu.

Ini tentulah tidak diterima dan tentulah tidak adil dan saya bercakap ini bukan cakap secara seloroh. Sikap ini sudah ada di kalangan sebahagian atau setengah-setengah ketua-ketua kesatuan sekerja, bukan ahli-ahlinya tetapi ketua-ketuanya. Ini kita tidak dapat menerima. Bagaimana dia tidak dapat menerima tindasan, tekanan daripada Kerajaan begitu juga Kerajaan tidak dapat menerima tekanan, tindasan, ugutan daripada ketua-ketua kesatuan-kesatuan sekerja ini (*Tepuk*). Saya bercakap dengan agak keras sedikit oleh kerana ini amatlah mustahak, kerana kegiatan-kegiatan tindak-tanduk setengah-setengah pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan ini akan mengancam keselamatan, ketenteraman dan kestabilan negara samada dari segi politiknya, ekonominya atau pun keselamatannya. Kami bagi Kerajaan adalah bertanggungjawab bukan sahaja kepada golongan yang setengah juta ini bahkan sebagaimana kami selalu cakapkan kami bertanggungjawab kepada seluruh rakyat jelata di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang lain yang telah dibangkitkan, rasa saya tidaklah mustahak tetapi saya suka hendak sentuh berkenaan dengan Schedule. Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membandingkan iaitu Schedule ini sama dengan yang dikatakan rukun sepuluh perkara (Ten Commandments). Di sini cuma ada tujuh Commandments. Iaitu kurang tiga. Menggunakan lojik Ahli Yang Berhormat itu Ten Commandments yang dikeluarkan, yang diturunkan semasa Nabi Allah Isa alaihissalam sedikit-sebanyaknya rasa saya sudah memberi faedah kepada manusia. Kita kurang tiga sahaja, manakala yang tujuh rukun (Commandments) ini kita berharap akan memberi menafaat dan faedah kepada pekerja-pekerja, kepada perkhidmatan awam dan kepada rakyat jelata. Dengan tujuh Commandments ini kita berharap mengadakan suasana yang lebih sempurna bila masa masalah-masalah ini dikaji serta dipertimbangkan oleh Tribunal ini. Saya tidak tahulah mengapa kita tidak dapat memikirkan Ten Commandments itu, patut kita

tambah lagi tiga. Ini bolehlah kalau ada lagi kita masukkan tiga, jadi sesuaiilah dan sama banyaknya dengan Ten Commandments itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang lain, rasa saya tidak adalah yang begitu 'controversial' dan kalau ada kesalahan dilakukan di bawah Undang-undang ini sebelum dakwaan dibuat dia dikehendaki diper-setujukan oleh Public Prosecutor. Ini ialah safeguard dan tidaklah boleh dikatakan bagi Kerajaan menggunakan Undang-undang kuku besi ini hendak menekan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pegawai-pegawai kesatuan-kesatuan sekerja dengan sewenang-wenangnya dan sebagai helah ini safeguardnya adalah dalam peruntukan dalam Rang Undang-undang ini, iaitu mesti mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Pendakwa Raya (Public Prosecutor).

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu rasa saya tidak payahlah saya sebutkan dan saya mengakhiri ulasan menggulung jawapan saya ini dengan sekali lagi mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan bila masa Rang Undang-undang ini dilaksanakan samada melantik ahli-ahli Tribunal, ahli Penal bagi menjalankan Tribunal itu tentulah memang niat kita bercermat supaya bukan sahaja memberi keadilan tetapi nampak keadilan itu dibuat dan dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu.

Berkenaan dengan ahli Penal ini tentulah bagi saya tidak dapat hendak memberi pengakuan di sini iaitu saya akan berunding dahulu dengan ahli-ahli kesatuan sekerja, sebab sebagaimana hujah-hujahnya supaya ahli-ahli Tribunal ini ataupun Penal ini supaya orang yang sebenar-benarnya bebas dan tidak dipengaruhi atau disokong atau dianggotai oleh sesebuah pihak, maka saya tidak dapat hendak memberi pengakuan di sini iaitu sebelum ahli-ahli penal ini dilantik, kami akan berunding dengan kesatuan, saya tidak dapat memberinya, sebab kami akan berikhtiar dengan sedaya upayanya melantik orang-

orang yang berkeelayakan dan yang difikirkan tidak berat sebelah sini dan tidak berat di sebelah sana, kerana tujuan kami ialah hendak menyelesaikan masalah ini dengan seadil-adilnya. Bukan sahaja adil kepada pekerja-pekerja tetapi adil juga kepada Kerajaan yang bertanggungjawab kepada penduduk-penduduk di negara ini. Keadilan berjalan dua mata, bukan sahaja keadilan kepada pekerja tetapi hendaklah juga keadilan diberi kepada Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 18 —

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, izinkan saya mengemukakan pindaan sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu pindaan kepada Seksyen 18 (1). Pindaannya adalah seperti berikut:

Fasal 18 (1) — Potong perkataan "atau" yang terdapat dalam baris 9 dan perkataan "sahaja" yang terdapat dalam baris 10.

Clause 18 (1) — Delete the words "or soon" appearing in line 7.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 18 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 19 hingga 23 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual —

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, izinkan saya mengemukakan pindaan kepada Jadual. Pindaan itu adalah seperti berikut:

- Jadual, — Masukkan selepas sahaja perkataan perenggan 4 "anomali" yang terdapat dalam baris 3 perkataan-perkataan, "dengan syarat bahawa tiada sesuatu penyertaan dalam, atau sesuatu kehadiran, atau apa-apa perbuatan lain yang dilakukan di sesuatu mesyuarat oleh mana-mana ahli kesatuan sekerja atau mana-mana ahli persatuan pegawai-pegawai awam yang mana adalah seorang yang terkilan atau seseorang yang terkilan untuk menimbangkan anomali itu atau perkara-perkara berhubung dengan anomali itu boleh disifatkan sebagai suatu tindakan perusahaan yang ditegah".
- Jadual — Potong perkataan "atau" yang didapati di hujung perenggan-perenggan (1), (2), (3), (4), (5) dan (6).
- Schedule, — Insert immediately after the word paragraph 4 "anomaly" at the end of the paragraph the words, "provided that no participation in, nor any attendance at, nor any other act done at a meeting by any member of a trade union or any member of an association of public officers which is an aggrieved person or any aggrieved person to consider the anomaly or matters connected with the anomaly shall be deemed to be a proscribed industrial action".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (BANK PEMBANGUNAN ISLAM), 1977

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "suatu Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977" dibaca pada kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bank Pembangunan Islam telah ditubuhkan pada bulan Oktober, 1975 dengan modal dibenar atau 'authorised capital' sebanyak 2,000 juta Dinar Islam (M\$5.7 ribu juta) dan modal dibayar atau 'paid up' capital sebanyak 750 juta Dinar Islam (M\$2.1 ribu juta). Di masa ini, Bank Pembangunan Islam disertai oleh 32 buah negara anggota. Negara-negara ini telah bersetuju menyumbangkan modal sebanyak 750 juta Dinar Islam yang tersebut tadi. Sumbangan modal dari Arab Saudi sebanyak 200 juta Dinar Islam merupakan sumbangan yang terbesar sekali. Sumbangan Malaysia berjumlah 16 juta Dinar Islam (M\$48 juta) yang merupakan sumbangan yang ke 10 besarnya. Modal dibayar ini dikehendaki supaya dibayar secara beransur-ansur dalam tempoh 5 tahun. Setakat ini negara-negara ahli telah menyumbangkan sebanyak lebih kurang 454.5 Dinar Islam (M\$1.3 ribu juta). Daripada jumlah ini, sumbangan Malaysia ialah 9.6 juta Dinar Islam (M\$27.6 juta). Bank ini, yang beribu pejabat di Jeddah bertujuan menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial negara-negara ahli umat Islam pada amnya dengan berpandukan prinsip-prinsip syariah. Ia ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Pengarah Eksekutif yang dipengerusikan oleh Presiden Bank itu, dan dibantu oleh seorang Naib Presiden. Dasar yang

diikuti oleh Bank ini ditentukan oleh Lembaga Gabenor-gabenor yang merupakan badan yang tertinggi sekali dalam carta organisasi Bank ini. Lembaga Gabenor-gabenor ini dianggotai oleh seorang wakil, atau Gabenor, bagi tiap-tiap negara ahli. Gabenor bagi Malaysia ialah Menteri Kewangan sendiri. Lembaga ini mesti mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, bekas Perdana Menteri kita kerana sumbangan-sumbangan beliau yang tidak ternilai untuk menubuhkan Bank ini. Semasa beliau menjadi Setiausaha Agong Sekretariat Islam, beliau telah menumpukan sepenuh perhatian dan tenaganya untuk menyebarkan dan memperjuangkan konsep Bank Pembangunan Islam ini. Beliau telah mengunjungi negara-negara Islam untuk menerangkan konsep ini dan mencari sokongan, tanpa mengenal penat lelah. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Persediaan (Preparatory Committee), beliau telah mengetuai satu pasukan pakar-pakar untuk menyediakan deraf perjanjian bagi menubuhkan Bank ini. Deraf Perjanjian itu telah diterima sekarang sebagai piagam Bank Pembangunan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dayausaha dan sumbangan yang telah dibuat oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra tentu sekali disanjung tinggi oleh negara-negara dan umat Islam pada keseluruhannya. Dengan usaha dan sumbangan beliau itu, yang disokong kuat oleh Almarhum Al Malik Faisal, Raja Arab Saudi, Bank yang dicita-citakan sebegitu lama oleh umat Islam sekarang ini telah menjadi satu kenyataan yang besar erti dan menaifatnya kepada kita sekalian. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Bank ini adalah bebas daripada faedah. Dengan itu ia akan merupakan nadi dan lambang perpaduan dan muafakat antara negara-negara Islam serta menjadi juga asas bagi membuktikan keutuhan dan keunggulan sistem ekonomi Islam sendirinya. Sekarang ini

dengan adanya Bank Pembangunan Islam dengan tabung pinjaman dan pembangunannya, kita diberi kesempatan yang istimewa untuk membuktikan kepada dunia bahawa Bank boleh diuruskan tanpa menuntut bayaran faedah.

Pada bulan Mac 1976, Bank ini telah mengeluarkan garisan panduan dasar dan peraturan-peraturan kegiatannya yang dapat dibahagikan kepada tiga bahagian besar iaitu:—

- (a) Kegiatan Biasa
- (b) Kegiatan Tabung Khas
- (c) Kegiatan Tabung Amanah.

Setakat ini, hanya kegiatan biasa sahaja yang dijalankan. Kegiatan biasa ini meliputi lapangan-lapangan berikut:—

- (i) Penyertaan modal di dalam projek-projek pembangunan secara langsung dengan mengambil ekuiti di dalamnya,
- (ii) Memberi pinjaman untuk projek-projek Sektor Awam seperti kemudahan-kemudahan asas dan juga Sektor Swasta,
- (iii) Memberi bantuan teknik.

Beberapa projek yang dikemukakan oleh negara-negara ahli telahpun diluluskan untuk dibiayai oleh Bank ini. Projek-projek ini termasuklah projek pembelian alat sains bagi sebuah universiti dan juga pembinaan sebuah kilang kain kapas di Sudan; projek taliair di Niger, projek-projek penapis minyak di Jordan dan Pakistan, projek membiayai impot 'coke' untuk Kilang-kilang besi waja di Algeria dan Turki, dan projek pelabuhan perikanan di Tunisia. Bank ini juga akan memberi geran bantuan teknik bagi Guinea. Dalam hal ini suka saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Malaysia telahpun mengemukakan senarai projek-projek untuk ditimbang oleh Bank ini.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Persidangan Lembaga Gabenor-gabenor Bank Pembangunan Islam yang pertama diadakan di

Mekah pada akhir bulan Mac tahun ini, ucapan Malaysia yang disampaikan oleh saya selaku Gabenor Bank Pembangunan Islam bagi negara kita telah mendapat sambutan yang baik dari para peserta persidangan tersebut. Malaysia telah mencadangkan supaya Bank ini menggalakkan pembentukan peraturan tiga segi yang akan mendorong wang lebih dari negara-negara Asia Barat, teknologi dan kepakaran dari negara-negara yang maju dan peluang-peluang pelaburan dalam negara-negara ahli supaya diselaraskan dengan tujuan membina projek-projek perindustrian bagi kebaikan dan kemajuan umat Islam amnya. Untuk membolehkan Bank ini menjalankan urusannya dengan licin dan sesuai dengan keadaan semua negara-negara Islam, Malaysia telah mencadangkan supaya Cawangan-cawangan Bank ini ditubuhkan di beberapa negara ahli. Dalam hal ini, saya sendiri telah mengemukakan cadangan kepada Presiden Bank tersebut supaya menubuhkan sebuah cawangan di Malaysia untuk memenuhi keperluan negara-negara dan masyarakat-masyarakat Islam di rantau ini. Hasil Persidangan pertama ini sangatlah menggalakkan. Di antara keputusan-keputusan yang dibuat yang melibatkan Malaysia secara langsung adalah untuk mengadakan Mesyuarat Tahunan Yang Kedua Lembaga Gabenor-gabenor Bank ini, di Kuala Lumpur, pada pertengahan bulan Mac, 1978. Menteri Kewangan Malaysia dilantik menjadi Pengerusi Lembaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Bank Pembangunan Islam untuk mengadakan persidangan yang kedua itu di Kuala Lumpur adalah satu penghormatan yang sangat besar bagi negara kita. Ia bererti bahawa negara-negara Islam mengiktirafkan dan menerima Malaysia sebagai sebuah negara sahabat yang wajar untuk memainkan peranan tuan rumah bagi persidangan yang berhubung terus perihal pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam pada keseluruhannya. Saya membangkitkan hal ini kerana ia adalah satu lagi langkah kemajuan dalam aliran peranan yang kita sedang mainkan dalam pembangunan ugama

Islam. Malaysia menjunjung kedaulatan dan kesucian Islam yang dijadikan ugama rasmi negara ini. Sejak awal lagi, di bawah pimpinan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Malaysia telah mengambil dayausaha untuk memajukan syiar Islam dan mengasaskan perpaduan antara negara-negara Islam dengan mengadakan peraduan-peraduan bacaan Al-Quran Al Karim di Peringkat Antarabangsa. Peraduan ini dikelolakan setiap tahun dengan disertai oleh berpuluh-puluh negara Islam yang lain. Usaha untuk menyatupadukan negara-negara dan umat Islam ini dipanjangkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan juga Dato' Hussein Onn Perdana Menteri kita sekarang dengan mengadakan pula pertunjukkan-pertunjukkan kesenian Islam seperti seni khat, dengan memperluaskan lagi kerjasama dalam bidang pelajaran dan mengeratkan hubungan diplomatik serta perdagangan dengan negara-negara Islam yang lain.

Kini sekalian usaha-usaha itu dimahkotakan dengan Bank Pembangunan Islam yang menjadi badan kewangan bagi mengisikan cita-cita perpaduan dan muafakat antara negara-negara Islam dengan usaha kerjasama dalam pembangunan sosial dan ekonomi yang nyata dan konkrit. Pendekata, dengan adanya Bank Pembangunan Islam, kita iaitu anggota-anggota umat Islam dapat membangunkan dan meninggikan syiar Islam bersama dengan sepenuhnya. Dengannya kita dapat mendirikan sebuah benteng yang besar yang luas dan yang kukuh untuk menghadapi ancaman-ancaman musuh, khususnya komunis.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sumbangan Bank ini kepada Rancangan Malaysia Ketiga pula, kita telah menentukan beberapa projek supaya ditimbangkan olehnya bagi peringkat permulaannya, Bank ini akan membiayai projek Pelabuhan Bintulu, Projek Simen Pahang dan Projek Kilang Baja di Kedah. Projek Pelabuhan Bintulu akan di biayai secara memberi pinjaman, sedangkan dua projek yang lain itu akan disertai modal oleh Bank ini sendiri. Sebuah rombongan

Bank ini telah datang ke Malaysia pada akhir bulan lalu untuk membuat kajian mengenai Projek Simen Pahang dan Kilang Baja di Kedah itu. Kajian-kajiannya telahpun disiapkan. Rombongan itu juga telah membuat kajian awal mengenai Projek Pelabuhan Bintulu dan membuat tinjauan kemungkinan mengenai pelaburan jangka pendek dan pertengahan dengan kerjasama beberapa institusi kewangan tempatan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, berhubung dengan hal Bank Pembangunan Islam, Parlimen telahpun mengujudkan satu Akta Bank Pembangunan Islam, 1975. Akta ini adalah untuk menguatkuasakan perjanjian antarabangsa mengenai penubuhan dan pengendalian Bank Pembangunan Islam dan untuk membolehkan Malaysia menjadi anggotanya. Ia bagaimanapun tidak memberi kuasa kepada Kerajaan untuk memperolehi pinjaman dari Bank itu. Bagi membolehkan Kerajaan berbuat demikian, satu Akta Pinjaman Bank Pembangunan Islam perlu diujudkan seperti dengan pinjaman-pinjaman daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Sekarang sudahlah sampai masanya untuk Dewan ini menimbangkan Rang Undang-undang Pinjaman Bank Pembangunan Islam. Dengan adanya undang-undang ini, negara kita bukan sahaja dapat satu lagi sumber kewangan yang baru, tetapi lebih-lebih lagi, sumber kewangan yang tidak menuntut faedah.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dianggarkan kita meminjam sebanyak \$5.8 ribu juta daripada sumber luar negeri. Saya percaya dengan adanya sumber kewangan yang baru ini matlamat kita untuk mendapat jumlah pinjaman itu akan tercapai. Kementerian saya akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapat seberapa banyak pinjaman yang boleh daripada sumber kewangan ini untuk membiayai projek-projek pembangunan kita.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Kerajaan supaya membolehkan Kerajaan membuat pinjaman daripada Bank ini untuk tujuan membiayai projek-projek pembangunan. Kuasa ini adalah diperuntukan di bawah Fasal 3. Rang Undang-undang ini juga membolehkan Menteri Kewangan memberi pelepasan dari cukai pendapatan di bawah Ordinan Setem, tahun 1949 seperti akta-akta berkenaan dengan pinjaman daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Peruntukan juga disediakan supaya peruntukan-peruntukan dalam Ordinan Kawalan Pertukaran Asing tahun 1953, tidak dikenakan di atas jual-beli atau "on transaction" bagi membuat pembayaran dalam mana-mana mata wang berdasarkan perjanjian, Bon atau lain-lain Instrumen yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.40 ptg.

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana akhirnya telah berhasil bersama-sama dengan negara-negara Islam yang lain di dunia untuk melahirkan sebuah Bank Pembangunan Islam. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah berjaya menggubal satu undang-undang yang bernama Akta Pinjaman Bank Pembangunan Islam. Kita sama-sama bersyukur kepada Allah kerana kita telah mendengar bahawa wang dari pinjaman Bank Pembangunan Islam ini akan digunakan untuk banyak projek-projek demi kepentingan rakyat di negara ini.

Berhubung dengan cara-cara penggunaan pinjaman dari Bank Pembangunan Islam, saya mempunyai beberapa pendapat yang ingin saya kemukakan di dalam Dewan ini. Dewasa ini sesuai dengan usaha Kerajaan untuk mengadakan rumah kepada sebanyak

bilangan penduduk maka kita lihat di sana sini ada pembangunan projek-projek perumahan di seluruh negara, malah peruntukan yang besar telah diadakan untuk projek-projek perumahan. Tetapi apa yang membimbangkan saya ialah sementara bangsa Melayu di negara ini sedang menghadapi masalah liquidity ataupun masalah working capital dengan suasana kebanyakan daripada masyarakat ingin memiliki rumah maka telah kelihatan banyak sekali daripada mereka yang mempunyai sedikit sebanyak wang yang boleh dibawa ke dalam bidang perniagaan sebagai working capital wang ini telah dibekukan sebagai down payment untuk membeli rumah-rumah. Dari kajian saya yang ringkas, saya lihat kerja membeli rumah adalah kerja yang dijalankan oleh mereka yang sudah berjaya atau kepada mereka yang mempunyai wang yang lebih ataupun dibuat oleh mereka yang sudah berniaga dan sudah mempunyai keuntungan dan keuntungan itu boleh diketepikan untuk digunakan sebagai fixed asset. Saya bimbang kalau-kalau dalam usaha kita untuk mengadakan modal pusingan (working capital) kepada bumiputra untuk berniaga maka usaha untuk menggalakkan bumiputra memiliki rumah akan menimbulkan masalah baharu kerana modal yang terkumpul tidak digunakan untuk perniagaan tetapi dibekukan sebagai down payment di dalam usaha mereka untuk membeli rumah-rumah. Tetapi ini adalah masalah kedua.

Masalah yang pertama yang lebih jelas ialah kebanyakan daripada bumiputra tidak dapat membeli rumah kerana tidak ada down payment. Yang ada wang pertaruhan telah menggunakan wang untuk pertaruhan, bererti tidak dapat menggunakan wang untuk dijadikan modal pusingan, tetapi kebanyakannya tidak mempunyai wang untuk dijadikan wang pertaruhan. Saya telah mencadangkan dalam Dewan ini di satu masa dahulu kerana saya lihat banyak sekali anak-anak muda yang memegang jawatan-jawatan penting yang sanggup membayar sewa \$400 — \$500 sebulan tetapi oleh kerana tidak ada \$20,000 — \$30,000 untuk dijadikan down payment maka \$200 —

\$300 yang dibelanjakan sebagai sewa menjadi expensive ataupun perbelanjaan dan tidak merupakan pelaburan. Jika ada satu tabung (fund) di mana pegawai-pegawai boleh pinjam dari tabung itu untuk wang pertaruhan (down payment) maka secara automatik bank-bank swasta yang ada boleh membiayai pinjaman 80% dan pertaruhan 20% boleh dipinjam dari tabung tadi dan sipeminjam tadi menduduki rumah membayar sewanya tetapi sewa itu bukan lagi menjadi sewa, tetapi membeli harta (acquisition of assets). Saya percaya kalau ini diselesaikan maka dengan sendirinya masalah bumiputra yang tidak mempunyai modal, eksekutif-eksekutif yang tidak mempunyai wang untuk down payment dapat menggunakan wang dari satu tabung ini untuk memiliki rumah. Dahulu sebelum ada Bank Pembangunan Islam, di bawah sistem yang agak sukar bagi kita untuk melahirkan satu tabung ataupun mengharapkan pihak bank untuk memberi pinjaman jangka panjang dengan faedah yang rendah. Tetapi dengan adanya sumber daripada Bank Pembangunan Islam maka dengan sendirinya kita sudah ada resources baru, kita sudah ada sumber baharu, sumber yang boleh memberikan kepada kita jumlah wang yang boleh dipinjamkan dengan jangka yang panjang dengan dikenakan faedah yang rendah. Ini sebagai syarat maka kita boleh melahirkan tabung untuk menyelesaikan masalah tidak adanya down payment bagi kebanyakan eksekutif untuk memiliki rumah.

Seperka lagi ingin saya sentuh yang boleh menyelesaikan masalah dengan adanya Bank Pembangunan Islam ialah mengenai satu kajian yang dibuat oleh ANGKASA (Angkatan Kerjasama Malaysia). Dari satu kajian yang dibuat oleh ANGKASA (didapati 11 jenis barang di Malaysia ini yang menjadi barang yang paling popular di kedai-kedai runcit. Barang-barang itu ialah beras, gula, tepung, biskut, minyak masak, minyak tanah, garam, ikan bilis, kopi, teh dan sabun. 11 jenis barang ini merupakan 41% hingga 42% daripada jualan runcit (retail sale) di seluruh negara. Tetapi margin atau keuntungan daripada barang ini tidak lebih daripada 2% hingga

4%. Jadi apabila bumiputra disuruh berniaga mereka akan berdepan dengan perniagaan yang mereka tahu dan mereka lihat paling mudah iaitu perniagaan runcit, tetapi malangnya perniagaan runcit ini 11 jenis barang yang paling popular membawa keuntungan gross bukan net antara 2% hingga 4%. Sedangkan di negeri Inggeris Kerajaan telah mendesak pihak industri supaya keuntungan gross atas tiap-tiap retail product mesti antara 10% — 15% semoga wholesalers dan industri tidak mengambil untung terlalu banyak dan keuntungan ini disampaikan kepada peniaga-peniaga runcit.

Di sini kita perlu dengan adanya Bank Pembangunan Islam, dengan adanya hubungan yang rapat di antara kita dengan negara Arab melahirkan kilang-kilang tepung, kilang-kilang biskut, kilang-kilang minyak masak, kilang-kilang kopi, kilang-kilang teh dan kilang-kilang sabun. Kalau kita pergi ke Kementerian Perdagangan, kita minta permit untuk mengadakan kilang tepung, sudah tentu jawapannya “tidak boleh” kerana kapasiti kilang-kilang tepung di negara ini sudah lebih daripada yang diperlukan. Kalau kita minta permit untuk teh, maka dengan sendirinya diberi jawapan, “tidak boleh” kerana kapasiti dalam negara lebih daripada keperluan kita. Bagaimanakah kita menyelesaikan masalah ini? Masalah ini boleh diselesaikan kerana Allahyarham Al-Malik Faisal telah membuat satu undang-undang di negeri Arab yang diikuti oleh negara-negara lain. Katanya, jika sesuatu jenis barang itu boleh diperolehi dari negara Islam maka walaupun harga barang itu lebih mahal daripada di tempat-tempat yang bukan negara Islam maka menjadi kewajipan negara-negara Arab membeli dari negara Islam. Malaysia telah diiktiraf sebagai negara Islam. Jika Malaysia sudah diiktiraf sebagai negara Islam, tepung dibeli oleh Arab dari Australia yang bukan negara Islam, dari New Zealand bukan negara Islam, dari Amerika bukan negara Islam. Kita boleh meletakkan kilang-kilang di kawasan-kawasan free trade zone seperti kilang tepung, kilang biskut dan sebagainya. Sebahagian

kecil sahaja daripada hasil kilang-kilang ini kita jual di dalam negara untuk kedai-kedai runcit mengenakan biaya long term financing dengan bunga yang rendah dan dengan kosnya rendah, dengan meminjam dari Bank Pembangunan Islam dan sebahagian besar daripada barang ini kita eksport dari free trade zone terus ke negara-negara Arab, kerana saya lihat industri-industri ini walaupun sudah ada dalam negara kita tetapi masih berkurangan di negeri Arab.

Tuan Yang di-Pertua, ini hanya merupakan dua bidang iaitu perumahan dan bidang industri yang saya fikir dapat diselesaikan masalah-masalah jika kita exploitasikan kemudahan-kemudahan dari Bank Pembangunan Islam ini. Saya percaya pakar-pakar ekonomi yang ada di negara ini dapat memikirkan bidang-bidang lain bagaimana pinjaman jangka panjang dan faedah yang kita harap lebih rendah daripada yang boleh diperolehi dari commercial bank dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah perniagaan yang tidak mungkin selesai dengan 8%, 9%, 12%, 13% di dalam negara ini.

Saya sekali lagi melafazkan sokongan kepada Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) ini.

5.52 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Pada satu masa dahulu apabila sahaja rancangan hendak membangunkan bank ini di sebuah negara Islam yang dipersetujui oleh beberapa negara Islam, ramai di antara rakyat di dunia ini tidak yakin bahawa di satu masa ada sebuah bank yang akan wujud dengan tidak mengambil faedah apabila sahaja diperolehi pinjaman daripada bank yang berkenaan. Tetapi zaman bertukar zaman, keadaan ini berubah. Apabila sahaja dipersetujui oleh

keseluruhan negara-negara Islam yang dipelupuri oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bagi pihak Malaysia maka keadaan ini telah ada dan akan memberi hasil faedah kepada negara-negara Islam pada keseluruhannya khasnya negara Malaysia. Di dalam hal ini saya suka mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membuat satu ucapan penting bagi menjayakan pelaksanaan bank ini dan beberapa rancangan yang telah dipersetujui bagi pelaksanaannya. Di dalam hal ini apabila sahaja bank ditubuhkan ini ada di Jeddah dan pihak Menteri Kewangan telah meminta supaya cawangan bank ini dapat ditubuhkan di Malaysia, saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengalu-alukannya, bahkan kita harap penubuhan ini dapat dilaksanakan segera seboleh-bolehnya di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga bagi Dasar Ekonomi Baru.

Saya percaya apabila sahaja Rang Undang-undang Pinjaman ini diluluskan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat berbagai-bagai rancangan bagi mendapat pinjaman bagi menjayakan pembangunan negara. Sebelum daripada ini Malaysia telah pun meminjam daripada Bank Dunia dan hasil daripada pinjaman Bank Dunia kita dapati rancangan pembangunan negara kita telah berjalan dengan baik. Malaysia juga mendapat pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia, daripada pinjaman ini juga kita telah dapat menjalankan pembangunan bersama-sama dengan rancangan-rancangan yang telah ada disediakan ini. Jadi dengan ini sudah sepatutnyalah Malaysia juga patut mendapat pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam ini bagi menjayakan pembangunan di negara kita ini yang pada masa ini berada dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga, bahkan bagi mencapai matlamat kepada bumiputra dalam bidang ekonomi sebanyak 30% di dalam jangka masa yang tidak lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan apabila sahaja pinjaman ini dibuat

bagi negara kita wang yang didapati daripada Bank Pembangunan Islam ini eloklah dibawa ke peringkat luar bandar di dalam negara kita, kerana saya kata begitu di kawasan luar bandar sehingga setakat ini masih lagi ketinggalan jauh di dalam berbagai-bagai bidang. Seperti mana kata Ahli Yang Berhormat tadi mengenai beberapa lapangan yang patut dilaksanakan. Saya ingin juga menyebutkan di sini kalau dapat Kerajaan mempertimbangkan dengan wang yang diberi pinjaman ini dapat dibawa ke luar-luar bandar khasnya kepada pembangunan industri bagi bumiputra yang masih kekurangan lagi di luar bandar dan kita dapati sehingga saat inipun anak-anak bumiputra terpaksa berhijrah ke bandar-bandar besar ataupun kawasan-kawasan industri yang ada di dalam negara kita kerana mereka hendak mencari pekerjaan di dalam lapangan ini. Saya percaya kalau di dalam lapangan perkilangan industri ini dibuat di kawasan luar bandar cara kita mengatasinya kemungkinan dapat dilaksanakan dengan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini, di dalam pelaksanaan bagi bumiputra mencapai matlamat 30% sungguhpun pihak Kerajaan mengatakan matlamat bagi masa yang ditentukan itu akan tercapai dan pada akhir-akhir ini ada pihak-pihak mengatakan pula kemungkinan tidak berhasil. Pada pandangan saya untuk mengatasi hal ini saya suka mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya sebahagian daripada pinjaman yang kita dapati ini diberi harta-harta daripada mana-mana pihak untuk dijual kepada bumiputra, supaya bumiputra dapat menikmati di dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, katakanlah dengan adanya wang itu kita dapat membeli sebuah estet dan estet ini dibahagi-bahagikan untuk dijual kepada bumiputra bagi mereka dapat memiliki tanah atau memiliki harta seperti mana rancangan Kerajaan yang telah memberi tanah di dalam berbagai-bagai bidang yang lain. Saya percaya di dalam hal ini dengan keadaan ini kemungkinan Kerajaan

akan dapat mengatasi satu masalah bumiputra yang sepatutnya pada tahun 1990 mereka akan mencapai kepada matlamat ekonomi mereka sebanyak 30% sekurang-kurangnya.

Di dalam hal-hal lain, saya percaya tentu ada pada pandangan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan daripada pihak-pihak yang tertentu bagi pandangan-pandangan yang baik bagaimanakah cara-cara yang sebaik-baiknya hendak dapat pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam ini untuk digunakan di dalam negara ini khasnya bagi kepentingan orang-orang Islam ataupun lebih tepat kepada kepentingan orang-orang Melayu yang berada di dalam negara kita ini.

Selain daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja Bank Pembangunan Islam yang akan diwujudkan di dalam negara kita ini tidak berapa lama lagi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi, saya percaya tentulah agaknya mereka yang memegang jawatan-jawatan yang penting di dalam Bank ini meliputi kepada orang-orang Islam belaka. Jadi di dalam hal ini, saya percaya apabila sahaja pelaksanaan dapat dibuat selaraskanlah bagi kehendak-kehendak pada masa penubuhan Bank ini wujud di satu masa dahulu dan bagi kehendak-kehendak kepentingan negara-negara Islam pada keseluruhannya dan saya berharap matlamat saya yang besar di dalam menyokong Akta Pinjaman Bank Pembangunan Islam, 1977 ini dari kepentingan bumiputra diharap mendapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri.

6.01 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyampaikan sedikit pandangan dan di samping ini ingin kemukakan beberapa soalan terhadap Rang Undang-undang Pinjaman Bank Pembangunan Islam yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan tadi bertujuan membuat peruntukan-peruntukan bagi Kerajaan Persekutuan mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam untuk tujuan-tujuan pembangunan. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila beliau mengemukakan Rang Undang-undang ini beliau berkata kita telah mendapat satu sumber kewangan yang baru dengan adanya Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kami tidak menentang usaha-usaha Kerajaan untuk mencari wang bagi pembangunan khasnya pembangunan ekonomi akan tetapi kami sangkal samada langkah kerajaan ini yang menjadi satu tabiat untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank asing dan negara-negara asing untuk tujuan-tujuan pembangunan, adakah ini merupakan satu langkah yang elok dan wajar?

Tuan Yang di-Pertua, semakin banyak kita meminjam daripada bank-bank asing semakin bertambah hutang asing dan semakin banyak kadar bunga kita kena bayar. Dalam hubungan ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah kedudukan hutang asing kita dan bagaimana kedudukan ini dibandingkan dengan negara-negara membangun dan negara-negara yang sudah membangun dan juga apakah keupayaan kita untuk membayar balik wang yang dipinjam oleh kita. Tuan Yang di-Pertua, kita tentu mempunyai keupayaan untuk meminjam wang sebagaimana yang kita berbuat biasa. Izinkan saya menyatakan di sini bahawa keupayaan kita untuk mendapatkan pinjaman ialah satu perkara, tetapi keupayaan untuk menentukan bahawa pinjaman yang diperolehi itu boleh digunakan dengan berkesan ialah satu persoalan yang lain. Wang yang dipinjam hendaklah pada pandangan saya ditadbirkan dengan cermat supaya ianya mendatangkan kekayaan yang cukup yang akan membolehkan kita menjelaskan hutang dan di samping itu akan membantu mewujudkan pekerjaan-pekerjaan dan aktiviti-aktiviti yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pertanyaan yang saya ingin kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah samada terdapat apa-apa tali yang terikat kepada pinjaman-pinjaman wang yang kita perolehi daripada Bank Pembangunan Islam ini ataupun kita boleh menggunakan pinjaman dalam apa cara yang kita suka. Saya juga ingin tahu bagaimanakah bandingannya kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman tersebut jika dibandingkan dengan sumber-sumber antarabangsa yang lain dan bagaimanakah syarat-syaratnya berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya satu lagi pendapat yang ingin saya kemukakan ialah sungguhpun kita meminjam wang bagi tujuan pembangunan, adalah mustahak pada pandangan kami bagi Kerajaan memberi satu jaminan di Dewan ini supaya jentera pembangunan kita disediakan sepenuhnya untuk memenuhi kehendak-kehendak pembangunan yang pesat. Langkah-langkah yang berkesan hendaklah diambil untuk menaikkan gred kakitangan dan institusi-institusi tempatan seperti Instituti Tadbiran Awam dan Pusat Daya Pengeluaran Negara supaya institusi-institusi ini dapat menentukan para pelatih dan rancangan-rancangan latihan adalah sesuai dengan kehendak-kehendak pembangunan kita.

Sekianlah komen-komen dan soalan-soalan yang saya ingin kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

6.08 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang bernama Akta.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sebut nama pun tidak mengapa.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Akta Pinjaman di bawah Islamic Development Bank, 1977.

Saya menyokong ini kerana saya dapati tidak ada satu bank yang boleh meminjamkan tanpa faedah lebih-lebih lagi di dalam keterangannya Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa prinsip-prinsip yang akan diikuti oleh Islamic Development Bank ini di dalam memberi pinjaman-pinjaman untuk menggunakan wang-wang yang diberi pinjaman itu adalah prinsip-prinsip fikah. Ini adalah sejajar dengan ajaran Islam kita dan ugama Islam kita. Walau bagaimanapun, saya suka membuat dua tiga teguran, kerana saya dapati kalau tidak diberi keterangan sejelas-jelasnya nanti ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang akan menggunakan satu dakyah bahawa Bank Pembangunan Islam ini hanya nanti pinjaman-pinjaman yang diberi kepada orang Islam atau orang Melayu sahaja. Dengan sebab itu baru-baru ini satu keterangan telah diberi bahawa ada pemuda-pemuda kaum bukan daripada Melayu yang telah masuk ke hutan menjadi kominis, kerana pada anggapannya setiap hari diperbesar-besarkan perkhabaran-perkhabaran, berita-berita di TV, di Radio, di surat-suratkhabar bahawa pinjaman diberi kepada bumiputra, rumah murah diberi kepada bumiputra, tanah diberi kepada bumiputra, semuanya kepada bumiputra. Jadi dengan perasaan benci kepada perkara-perkara, kejadian-kejadian, maka pada anggapannya Kerajaan hanya mencurahkan serba-serbi kepada bumiputra, dia telah masuk kelab dalam hutan. Hendaklah pihak-pihak Kerajaan menerangkan bukan hanya kepada orang Islam, bukan hanya kepada bumiputra sahaja pinjaman-pinjaman yang akan didapati daripada Bank Pembangunan Islam itu akan diberi oleh pihak Kerajaan. Kita tidak hendak misalannya berita-berita orang Melayu diberi seekor anak kambing, seekor kerbau diperbesar-besarkan menjadi marah kepada orang-orang yang bukan bumiputra. Hendaklah juga kita menerangkan bahawa orang-orang kaum lain juga secara indirect dapat pertolongan. Misalannya nanti di bawah pinjaman Islamic Development Bank ini dapat satu syarikat joint-venture di antara bumiputra dan bukan bumiputra, misalannya diberi pinjaman,

dengan ini memberi pekerjaan kepada sejumlah besar kaum bukan bumiputra dan juga bumiputra, juga akan mendatangkan faedah kepada rakyat jelata semuanya. Barangkali satu lombong dipunyai oleh bukan bumiputra dapat pinjaman, ini juga akan mendatangkan faedah kepada yang bukan bumiputra. Jadi hendaklah diterangkan kepada mereka supaya jangan nanti ada perasaan anti bumiputra, masuk menjadi kominis di dalam hutan dan sebagainya.

Yang kedua, saya mengalu-alukan kerana di dalam Rang Undang-undang ini satu peruntukkan yang menyatakan, Tuan Yang di-Pertua:—

“3. (3) Any agreement between the Government and the Bank in respect of sum borrowed under the powers conferred by subsection (1) shall be made in the name of the Government of Malaysia and may be signed on behalf of the Government by the Minister or by any person authorised thereto in writing by the Minister.”

Ini saya mengalu-alukan kerana sangat perlu bahawa hanya Kerajaan Pusat sahaja ataupun atas nama Kerajaan Pusat sahaja yang boleh membuat pinjaman itu. Pada masa-masa yang lampau kita hanya mendengar berita, ketua-ketua Kerajaan Negeri pergi ke sana-sini meminjam wang — ke Saudi Arabia, ke Kuwait samada dengan kebenaran Kerajaan Pusat atau tidak, saya tidak tahu. Tetapi dengan adanya peruntukkan ini hanyalah atas nama Kerajaan Pusat sahaja yang membuat pinjaman itu dan Kerajaan Negeri tidak payahlah pergi ke sana-sini. Sekarang ini terdapat Kerajaan Pusat satu jalan, Kerajaan Negeri satu jalan, nampaknya imej itu tidak baik kepada negara kita. Saya juga suka menyentuh apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan berkenaan dengan usaha beliau akan mengadakan satu senarai mengandungi butir-butir projek yang boleh digunakan wang yang akan diperolehi menerusi pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan, bahawa di negara kita sebagaimana yang telah diumumkan di dalam Dewan yang mulia ini oleh Timbalan Menteri Kewangan, ada surplus wang di Bank untuk kita datang meminjam sahaja, itu gambarannya. Datang sahaja, boleh dapat. Tetapi apabila kita hendak meminjam, banyaklah cerewatnya; itu-ini, hendakkan working paper dan sebagainya. Apabila dibuat working paper oleh seorang yang qualified, masih juga lagi tidak puas hati. Jadi pada teorinya senang tetapi pada praktiknya susah sangat. Jadi kita tidak hendak perkara ini berulang-ulang lagi. Kalau dapat, hendaklah pihak yang berkenaan “mengutamakan” pinjaman yang dibuat oleh koperasi-koperasi atau pinjaman yang dibuat oleh syarikat-syarikat di mana ramai ada ahli-ahli di dalam syarikat itu. Ini dua tiga orang menubuhkan syarikat dan ada pula dua tiga orang ini kenal rakan-rakannya, maka orang inilah yang dapat pinjam. Berulang-ulang orang ini sahajalah yang dapat. Kalau kita menubuhkan syarikat, ramai orang masuk tidak dapat. Contohnya, kalau saya hendak sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, atas capacity saya sebagai Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu di peringkat Negeri banyak rahsia ini ada pada saya. Dan beberapa kali disampaikan di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan, ada buktinya, masih juga tidak ada apa-apa tindakan diambil. Balik-balik jawab di sini kalau ada bukti, harap sampaikan. Sudah sampai, itu pun tidak juga diambil tindakan. Jadi saya mengambil peluang di sini menyatakan bahawa hendaklah Kementerian Kewangan mengadakan satu badan, badan yang betul-betul boleh memberi pinjaman ini bukan satu atau dua orang tetapi biarlah dapat kepada orang-ramai.

Akhirnya, saya suka menyampaikan tahniah saya sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj atas usaha beliau, semenjak beberapa tahun yang lampau menubuhkan Bank Pembangunan Islam

(Islamic Development Bank) ini. Dan dengan cara ini dapatlah barangkali kita tap satu resources yang belum pernah lagi di tapped oleh orang lain. Saya harap ucapan tahniah saya itu dapat dirakamkan.

6.15 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengalu-alukan Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan.

Izinkan saya mengemukakan beberapa pandangan saya untuk kebaikan bersama. Hasrat mencetuskan sebuah bank yang bernama Bank Islam ini ialah terbitnya kerana memandangkan kemunduran negara-negara Islam dalam segi ekonomi dan pertumbuhan teknologi. Saya juga turut bergembira kerana mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Mulia tadi iaitu projek-projek untuk diluluskan oleh Bank Pembangunan Islam yang bermakna memberi peluang kepada pelaburan untuk kekuatan negara-negara Islam khususnya orang-orang Islam. Ini tentu sekali akan mendapat sambutan daripada seluruh umat Islam dalam negara ini. Dan saya rasa kepada orang-orang Melayu khususnya yang sedang membangun dalam segi ekonomi menerusi bank ini akan menjadi satu sumber kewangan pula untuk membangunkan ekonominya dan selain daripada itu pula ialah dengan tanpa faedah. Inilah yang sangat-sangat mengembirakan rakyat yang akan mendengar esok berkenaan dengan perkara Rang Undang-undang yang akan diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan iaitu pihak RISDA umpamanya dalam membangunkan structure pekebun-pekebun kecil bermakna orang-orang Melayu dan pembangunan ini ialah pembangunan dalam kampung-kampung Melayu di luar-luar bandar yang tidak mempunyai segala kemudahan-kemudahan umpamanya

api, air, jalan dan lain-lainnya. Saya percaya dengan tambahan wang yang didapati oleh Kerajaan kita seumpama wang daripada pelaburan bank ini akan juga menambahkan lagi sumber-sumber untuk membangunkan lagi keadaan-keadaan memajukan kampung-kampung di luar bandar umpamanya memberi modal kepada pekedai-pekedai kecil, peniaga-peniaga kecil yang akan mendapat pinjaman-pinjaman tanpa faedah untuk membangunkan ekonominya. Jadi saya rasa patutlah perkara ini akan mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Mulia supaya kemudahan-kemudahan menerusi saluran bank akan diperolehi oleh manusia-manusia di luar bandar ini.

Dan lagi satu perkara yang saya ingin kalau mendapat perhatian Yang Berhormat Mulia ataupun Kerajaan iaitu menerusi sumber kewangan yang datang daripada Bank Pembangunan Islam akan juga dapat memberikan peluang untuk anak-anak Islam kita, untuk mencapai taraf pelajaran yang tinggi dalam jurusan umpamanya teknologi dengan cara memberi biasiswa-biasiswa sebanyak-banyak kepada anak-anak kita di luar bandar yang sekarang ini meraba-raba, mencari, berlumba-lumba dengan pihak-pihak yang lain dalam mendapatkan peluang-peluang menduduki di sekolah-sekolah ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi.

Akhirnya, saya rasa biarlah Yang Amat Mulia Menteri Kewangan memberi perhatian yang sungguh-sungguh tegas dalam memberi pinjaman kepada yang memohon untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan dari Bank Pembangunan Islam ini, janganlah mendatangkan kepayahan sangat sebagaimana yang telah terjadi kepada orang-orang bumiputra hendak mendapatkan pinjaman, umpamanya, menerusi MARA dan menerusi kemudahan-kemudahan bank-bank swasta. Kalau sekiranya keadaan-keadaan ini terjadi sebagaimana juga dengan keadaan-keadaan yang lalu tentu akan mengecewakan harapan-harapan rakyat yang mendengar bahawa satu lagi bank diadakan oleh Kerajaan kita ini

tidak dapat menjadi satu kebaikan kepada mereka. Saya harap perkara-perkara semacam ini akan dapat perhatian Yang Mulia Menteri Kewangan dan juga pihak Kerajaan.

6.21 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977 yang dibentangkan oleh Yang Amat Mulia Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini bermakna satu lagi punca sumber kewangan untuk kegunaan negara kita dalam keadaan kita membangun dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya sangat tertarik hati dengan Akta Pembangunan Bank Islam ini kerana memandangkan negara kita yang berteraskan ataupun ugama rasminya ugama Islam dan yang banyak berkehendakkan dan sentiasa dahagakan pembangunan ialah terdiri daripada orang Melayu sendiri iaitu kalangan bumiputra. Kerajaan telah sedar yang bahawasanya kita di kalangan bumiputra yang jauh ketinggalan di belakang, tidak ada keseimbangan dan untuk hendak mencapai keseimbangan Kerajaan terpaksa mengeluarkan satu dasar iaitu berkehendakkan 30% penyertaan hak-hak bumiputra dalam tahun 1990. Ini telah jelas, membuktikan iaitu kaum bumiputra masih lagi jauh ketinggalan di belakang. Inilah yang sangat diharapkan untuk sesuatu kaum itu hendak membangun berkehendakkan berbagai-bagai bentuk bantuan. Bantuan utamanya ialah masaalah bantuan modal dan pada pihak Kerajaan juga kalau hendak membangunkan sesuatu kaum itu terutama sekali di dalam negara kita yang berbilang bangsa itu hendaklah dijalankan cara yang adil. Jadi, dengan adanya sumber kewangan yang baharu, yang dapat daripada Bank Pembangunan Islam ini saya percaya hasrat Kerajaan ini akan dapat diteruskan. Yang pentingnya, ialah masaalah-masaalah yang dihadapi oleh kalangan bumiputra pada hari ini apabila menjalankan perusahaan adalah had ataupun tempat yang terhad iaitu institusi-institusi kewangan yang boleh men-

dapat nikmatnya kepada orang Melayu ataupun kepada kaum bumiputra sangatlah terhad dan sangatlah berkurangan.

Satu daripadanya kita tahu, misalnya, ada satu institusi kewangan yang bercurak ataupun yang berbahukan keugamaan Islam iaitu, misalnya, Tabung Haji tetapi selain daripada kemudahan yang boleh dinikmati untuk pergi ke Mekah penyimpanan-penyimpanannya tidak boleh dapat nikmat. Apa yang saya ingin mencadangkan dengan adanya Akta yang kita boleh meminjam daripada Bank Pembangunan Islam, apa salahnya juga Tabung Haji diberi peluang supaya pinjaman itu dapat dinikmati oleh Tabung Haji dan Penyimpan-penyimpan Tabung Haji juga boleh membuat pinjaman membuat rumah. Sekarang ini kalau segala penyimpanan-penyimpanan EPF boleh Kerajaan mengeluarkan pinjaman dan dipotong daripada wang simpanan EPF itu, apa salahnya juga tiap-tiap penyimpanan Tabung Haji ini diberi peluang selain daripada mereka untuk hendak pergi ke Mekah, sebelum dia hendak pergi ke Mekah, diberi peluang untuk pinjaman membayar wang per-taruhan rumah dan sebagainya, dan punca sumber kewangan untuk hendak menambahkan simpanan Tabung Haji ini ialah daripada Bank Pembangunan Islam. Dengan cara ini juga kita akan menggalakkan satu institusi kewangan Islam yang teguh ataupun untuk di kalangan bumiputra dan ini akan merengankan beban Kerajaan yang dipikul pada hari ini dan kita berharap kalau banyak punca-punca institusi-institusi kewangan yang boleh memberi kemudahan kepada rakyat-rakyat yang beragama Islam, saya percaya Tuan Yang di-Pertua, akan mempercepatkan lagi hasrat Kerajaan kita untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dan juga akan mempercepatkan lagi penyampaian hasrat Kerajaan yang 30% itu. Kita semua sedar bahawa 30% yang ditentukan oleh Kerajaan itu adalah had minima bukan maknanya had bumiputra itu setakat 30% sahaja. Itu adalah had minima. Apa yang kita hendak dengan ada tambahan institusi-institusi kewangan kita akan melebihi daripada 30%.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi dalam negara kita sekarang telah banyak menubuhkan beberapa koperasi-koperasi daripada wang simpanan orang ramai dan koperasi-koperasi ini banyak hendak menjalankan macam-macam usaha untuk faedah ahli-ahlinya. Selalunya koperasi-koperasi itu terpaksa meminjam wang daripada Tabung Kerajaan dan Kerajaan kita ada mempunyai program-program tertentu, maka sebab itulah didapati lambat sangat untuk satu-satu koperasi itu untuk melaksanakan satu perusahaan untuk faedah-faedah ahli-ahlinya. Kita berharap dengan adanya Akta Pinjaman Pembangunan Bank Islam ini koperasi-koperasi ini juga akan diberi peluang untuk mendapatkan pinjaman dengan faedah yang murah dan daripada koperasi ini dapat menjalankan usaha pembangunan bagi faedah ahli-ahlinya dan ini juga satu daripada cara untuk kita mempercepatkan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, tadi sahabat saya daripada Jerai telah menerangkan masalah free trade zone yang kita semua tahu yang mana boleh digunakan untuk kita eksport barang-barang ke negara-negara Arab. Saya sangat tertarik dengan satu perkara iaitu kita dapati di dalam negara Islam kebanyakan mengimpot daging lembu dan kambing daripada Australia dan untuk mereka hendak mengimpot ini Kerajaan Australia terpaksa mencari orang-orang Islam untuk menyembelih. Kalau rancangan ini dapat dijalankan di negara kita, misalnya, kita tahu rancangan Majuternak, Majuternak menjalankan usaha-usaha untuk hendak menambahkan daripada segi ternakan haiwan yang halal dimakan, tetapi saya dapati dan saya siasat keadaan rancangan-rancangan Majuternak ini tersekat.

Apabila saya menemui pihak-pihak yang tertentu saya dapati kesulitan yang dihadapi oleh Majuternak ialah sumber kewangan. Maklumlah satu rancangan pertanian ataupun rancangan belaan haiwan ini adalah memakan masa yang panjang 5 tahun hingga 7 tahun baharulah boleh mendatangkan hasil. Saya berharap kalau dapat pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam ini kita memberi satu saluran ataupun jurusan kepada pembangunan kawasan-kawasan Majuternak supaya kita dapat hasil-hasil ternakan negara kita ini boleh kita eksport ke negara-negara yang lain sesudah kita di sini mencukupi.

Satu perkara lagi kalau kita boleh mengimpot ternakan hidup daripada negara yang telah banyak mengeluarkan ternakan, kita bawa ke negara kita dan di sini kita tubuhkan satu kawasan bebas untuk kita menyembelih segala ternakan ini dan kita eksport balik segala-gala barang yang kita sembeleh itu dan dengan ini kita akan mengadakan banyak lagi peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang kita di sini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja dan saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Mulia Menteri Kewangan kita yang telah terlantik menjadi Gabenor di kawasan ini dan saya berharap dengan adanya bantuan-bantuan kewangan daripada Bank Pembangunan Islam ini akan mencapai hasrat Kerajaan kita yang murni. Saya menyokong Akta Pinjaman Bank Pembangunan Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, 27hb. Julai, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.